Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Keempat 2004

TINJAUAN KESELURUHAN

Pertumbuhan didorong oleh sektor swasta

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.6% pada suku keempat 2004. Pertumbuhan didorong oleh aktiviti sektor swasta, sementara Kerajaan Persekutuan meneruskan rancangan konsolidasi fiskalnya. Bagi keseluruhan tahun 2004, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 7.1%.

Momentum pertumbuhan kekal mapan pada S4 2004



Dalam sektor perkilangan, asas yang lebih pelbagai telah berjaya menyederhanakan kesan kemerosotan dalam subsektor peralatan elektronik. Sektor perkhidmatan kekal kukuh dengan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam kebanyakan subsektor. Sektor komoditi utama terus mencatat prestasi yang kukuh disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi minyak sawit dan gas asli. Walau bagaimanapun, sektor pembinaan kekal lemah disebabkan terutamanya oleh aktiviti kejuruteraan awam yang lebih rendah.

Nilai ditambah dalam sektor perkilangan meningkat sebanyak 5.4% pada suku keempat 2004 (S3 2004: 9.9%). Kadar pertumbuhan terutamanya dalam industri keluaran elektronik dan elektrik meningkat dengan sederhana (pertumbuhan pengeluran: 4.7%, S3 2004: 19.3%) sejajar dengan penyelarasan inventori dalam sektor elektronik global. Antara industri berorientasikan eksport utama yang lain, industri keluaran kimia mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 13.4% (S3 2004: 8.7%), disebabkan oleh keluaran gas perindustrian dan plastik yang lebih tinggi. Hasilnya, industri berorientasikan eksport sebagai satu kumpulan mencatat pertumbuhan sebanyak 7.5% pada suku keempat (S3 2004: 12.8%). Sementara itu, pertumbuhan industri berorientasikan pasaran dalam negeri kekal pada kadar pertumbuhan yang tinggi sebanyak 6.2% (S3 2004: 7.2%), disokong oleh pertumbuhan yang kukuh dalam industri kelengkapan pengangkutan dan logam yang direka serta industri besi dan keluli.

Nilai ditambah sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 6.3% (S3 2004: 6.1%).

Subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi mencatatkan pertumbuhan ketara disebabkan prestasi industri telekomunikasi yang memberangsangkan dan perkembangan berterusan aktiviti berkaitan dengan perdagangan. Dalam subsektor telekomunikasi, pertumbuhan diterajui oleh jumlah pelanggan yang lebih banyak dalam segmen selular. Subsektor utiliti adalah disokong oleh pertambahan permintaan elektrik oleh semua kategori pengguna. Pertumbuhan sektor perniagaan borong, runcit dan restoran adalah sebanyak 6.9%. Subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.2%.

Pada suku keempat, sektor pertanian dan perlombongan terus berkembang, masing-masing sebanyak 7.7% dan 4.7% (S3 2004: masing-masing 5.3% dan 4.7%). Pertumbuhan dalam sektor pertanian disokong oleh prestasi sektor minyak sawit yang amat memberangsangkan (16.5%), sementara pengembangan dalam sektor perlombongan didorong terutamanya oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi.

Dalam sektor pembinaan, segmen kediaman dan bukan kediaman berkembang dengan permintaan yang kukuh terutamanya permintaan terhadap harta bertanah, disokong oleh pakej pembiayaan yang menarik dan peningkatan pendapatan boleh guna. Pembinaan dalam segmen bukan kediaman pula didorong terutamanya oleh permintaan terhadap ruang pejabat dan ruang perniagaan dalam keadaan aktiviti perniagaan yang memuaskan. Walau bagaimanapun, sektor pembinaan secara keseluruhan menguncup sebanyak 3.3% (S3 2004: -3%) disebabkan terutamanya oleh aktiviti kejuruteraan awam yang lebih rendah.

Pada suku keempat, sektor swasta menerajui pertumbuhan dalam permintaan dalam negeri. Sentimen pengguna meningkat disebabkan oleh keadaan guna tenaga yang stabil dan pendapatan boleh guna yang tinggi yang diperoleh daripada pendapatan eksport komoditi. Keadaan pembiayaan kewangan yang menggalakkan, kadar faedah yang rendah, kadar inflasi yang rendah dan pembayaran bonus akhir tahun menyebabkan peningkatan penggunaan swasta sebanyak 9.7%. Sungguhpun Indeks Sentimen Pengguna, penunjuk penggunaan hadapan yang dikumpul oleh Insititut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) adalah lebih rendah pada suku keempat, indeks tersebut terus melebihi paras ambang 100 mata. Ini menunjukkan bahawa keyakinan pengguna kekal positif. Keyakinan pengguna ditunjukkan oleh peningkatan dalam import barangan pengguna, jualan kereta penumpang, serta pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan kepada isi rumah untuk tujuan penggunaan dan pembelian barangan tahan lama. Pertumbuhan penggunaan awam menyederhana pada 3.7% (3Q 2004: 4.6%).

Pada suku keempat, aktiviti pelaburan swasta adalah pesat disebabkan perbelanjaan ke atas penggantian mesin dan kelengkapan dalam sektor perkilangan serta pelaburan dalam alat peninjauan seismos dan geofizik untuk aktiviti penerokaan minyak. Hasilnya, pembentukan modal tetap kasar meningkat (2.2%) meskipun terdapat penurunan dalam

perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan. Walaupun perbelanjaan pembangunan lebih rendah, perbelanjaan terus disalurkan kepada operasi fiskal dan perkhidmatan yang penting seperti pendidikan, perumahan, pengangkutan, pertanian dan pembangunan luar bandar.

Malaysia mencapai pertumbuhan ekonomi dalam keadaan inflasi yang rendah pada suku keempat. Inflasi meningkat sedikit kepada 2.1% pada suku keempat. Ini mencerminkan peningkatan harga makanan serta caj pengangkutan persendirian dan kenaikan cukai rokok serta tembakau yang tinggi. Walau bagaimanapun, risiko peningkatan inflasi dibatasi oleh pembinaan kapasiti dan pertumbuhan produktiviti yang berterusan. Sementara itu, keadaan pasaran pekerja kekal stabil, disokong oleh pertumbuhan produktiviti yang kukuh. Dalam sektor perkilangan, nilai jualan benar bagi seorang pekerja meningkat sebanyak 15.3%.

Pada suku keempat, kedudukan imbangan pembayaran Malaysia kekal kukuh, dengan akaun perdagangan mencatat lebihan yang besar dan mapan sebanyak RM21 bilion (S3 2004: RM22.7 bilion). Eksport kasar mencatat pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 16.1% disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport barangan elektronik dan elektrik. Import kasar meningkat, walaupun pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 18.6%. Import barangan pengantara terus berkembang sebanyak 12.8%, disokong oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap logam dan input yang berasaskan sumber. Import barangan modal terus berkembang dengan kukuh sebanyak 37.7%, dengan sebahagian besar daripadanya disalurkan kepada industri perkilangan dan perkhidmatan untuk tujuan meningkatkan tahap teknologi serta pembinaan kapasiti. Import barangan modal tidak termasuk barangan *lumpy*, meningkat sebanyak 26.6%. Sejajar dengan pendapatan boleh guna serta permintaan yang lebih tinggi berikutan musim perayaan, import barangan pengguna meningkat sebanyak 16.5% pada suku keempat, dengan permintaan yang lebih tinggi terhadap makanan dan minuman serta barangan pengguna.

Dalam akaun kewangan, pelaburan langsung asing (FDI) serta pelaburan luar negeri dan portfolio meningkat pada suku keempat. Aliran masuk FDI kasar meningkat kepada RM4.6 bilion dan disalurkan dengan seimbang kepada sektor perkilangan, perkhidmatan serta minyak dan gas. Aliran keluar kasar bagi pelaburan luar negeri meningkat dengan ketara kepada RM16.5 bilion, disebabkan terutamanya oleh pemberian pinjaman jangka pendek yang lebih tinggi oleh syarikat milik bukan pemastautin di Malaysia kepada syarikat luar negeri yang berkaitan, berikutan pemusatan aktiviti operasi perbendaharaan. Tidak termasuk aliran keluar operasi perbendaharaan, pelaburan luar negeri daripada sektor perkhidmatan, minyak dan gas, dan perkilangan adalah lebih tinggi pada suku keempat. Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM11.1 bilion pada suku keempat, mencerminkan penglibatan semula pelabur asing yang aktif dalam pasaran ekuiti dan sekuriti hutang.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia bertambah kukuh lagi dengan peningkatan RM37.4 bilion (AS$9.8 bilion) pada suku keempat tahun 2004 hingga mencapai paras tertinggi sebanyak RM253.5 billion (AS$66.7 bilion) pada 31 Disember 2004. Peningkatan rizab mencerminkan pembawaan pulang perolehan eksport yang lebih besar, serta aliran masuk FDI dan dana portfolio yang lebih tinggi. Rizab terus meningkat kepada RM269.6 bilion (AS$71 bilion) pada 15 Februari 2005, disokong terutamanya oleh pembawaan pulang perolehan eksport yang berterusan. Paras rizab adalah cukup untuk membiayai 8.5 bulan import tertangguh dan merupakan 6 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong pertumbuhan

Dalam persekitaran inflasi yang rendah, Kadar Dasar Semalaman (OPR) kekal pada paras 2.70% pada bulan November. Dasar monetari terus menyokong pengembangan dalam pelaburan swasta dan penggunaan swasta. Pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal adalah lebih tinggi, iaitu berjumlah RM142.6 bilion, bersamaan dengan peningkatan kadar tahunan sebanyak 6.7%.

Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan meningkat pada asas tahunan 7.8% . Pengeluaran pinjaman ini disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan (35.7% daripada jumlah pengeluaran pinjaman kepada perniagaan); sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (26.4%); dan sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan (9.4%). Pengeluaran pinjaman kepada syarikat besar serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) masing-masing meningkat pada kadar tahunan 7.2% dan 9.1%. Sejumlah RM8.7 bilion pinjaman baru diluluskan kepada 25,918 akaun PKS pada suku keempat. Sementara itu, pembiayaan kepada sektor isi rumah kekal mapan dengan pengeluaran pinjaman meningkat sebanyak 12%.

Terbitan kasar sekuriti baru oleh sektor swasta dalam pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) kekal tinggi, iaitu berjumlah RM10.1 bilion, terutamanya dalam sektor pembinaan dan utiliti. Khususnya, terbitan oleh sektor korporat adalah untuk membiayai aktiviti baru berjumlah RM3.8 billion atau 40.3% daripada jumlah terbitan baru. Dalam pasaran ekuiti, dana yang lebih tinggi berjumlah RM2.3 bilion telah diperoleh, dengan RM2 bilion adalah daripada 24 tawaran awam awal.

Aliran masuk dana perdagangan dan modal yang lebih besar pada suku keempat terurus. Operasi mudah tunai Bank Negara Malaysia bertujuan untuk memastikan paras kadar faedah adalah konsisten dengan keadaan dalam negeri. Oleh itu, pertumbuhan agregat monetari secara luas, M3, meningkat sejajar dengan perkembangan aktiviti ekonomi.

Sistem perbankan mempamerkan kedudukan yang kukuh

Pada suku keempat, sistem perbankan terus berada pada kedudukan yang kukuh, dengan tahap permodalan yang

tinggi, paras keuntungan yang bertambah baik serta pinjaman tidak berbayar pada tahap paling rendah sejak krisis kewangan Asia. Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) sistem perbankan kekal tinggi masing-masing pada 13.8% dan 10.8%, walaupun mencatat sedikit penurunan. Peningkatan dalam asas modal disebabkan terutamanya oleh potongan modal yang lebih rendah bagi pelaburan dalam anak-anak syarikat (-RM1.6 bilion) pasca penggabungan Bafin, sementara kenaikan aset berwajaran risiko yang lebih tinggi pula disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam pemberian pinjaman. Sistem perbankan mencatat peningkatan keuntungan sebelum cukai sebanyak 6.1% kepada RM3 bilion pada suku keempat, berbanding dengan RM2.8 bilion pada suku sebelum ini.

Pinjaman tidak berbayar bersih (NPL) berdasarkan klasifikasi 6 bulan terus menurun dan merupakan 5.9% daripada jumlah pinjaman bersih, iaitu tahap paling rendah sejak krisis Asia (S3 2004: 6.1%). Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan juga menunjukkan penurunan yang ketara kepada RM37.5 bilion atau 7.6% daripada jumlah pinjaman bersih (S3 2004: 8.1%). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh pemulihan NPL yang lebih tinggi, pengelasan semula dan hapuskiraan.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal mapan dalam jangka masa terdekat…

Melangkah ke hadapan, pengembangan ekonomi dunia bagi tahun 2005 dijangka kekal pada kadar yang stabil. Kadar penurunan dalam pertumbuhan di Amerika Syarikat dan R.R. China di jangka sederhana, memandangkan penyelarasan terhadap ketidakseimbangan dalam ekonomi-ekonomi tersebut dilaksanakan secara beransur-ansur. Dasar monetari dijangka kekal akomodatif memandangkan inflasi diramal kekal terurus dalam keadaan harga minyak yang stabil. Keadaan pasaran pekerja di beberapa rantau telah bertambah baik. Perkembangan ini akan menyokong pertumbuhan di rantau Asia. Kesan daripada penurunan dalam kitaran elektronik adalah berbeza-beza mengikut negara. Sungguhpun industri elektronik global sedang menghadapi konsolidasi setelah memuncak pada pertengahan tahun 2004, penurunan dalam kitaran elektronik ini dijangka sederhana. Ini memandangkan permintaan global terus kekal, penyelarasan inventori yang lebih pantas dan paras inventori yang secara relatifnya rendah. Secara keseluruhan, permintaan dalam negeri di rantau ini dijangka mendorong pertumbuhan serantau, disokong oleh asas-asas yang kukuh dan sumbangan daripada sektor pertumbuhan baru. Kesan bencana tsunami dijangka kecil dan untuk tempoh yang singkat. Kesan tersebut menjejaskan terutamanya industri pelancongan dan perikanan di beberapa kawasan di negara-negara yang terbabit.

Oleh itu, prospek pertumbuhan Malaysia terus menggalakkan pada tahun 2005. Kenaikan yang mapan dalam Indeks Pelopor bagi bulan November menunjukkan bahawa momentum pertumbuhan ekonomi akan berterusan sehingga tahun 2005.

Pertumbuhan akan didorong oleh sektor swasta memandangkan sektor awam melaksanakan konsolidasi fiskal. Indeks Sentimen Pengguna terus melebihi paras ambang 100 mata pada bulan Disember, menunjukkan keyakinan pengguna yang teguh. Pertumbuhan ekonomi Malaysia akan terus dicapai dalam keadaan inflasi yang rendah. Risiko ke atas bagi inflasi dibatasi pengembangan kapasiti dan peningkatan produktiviti yang berterusan.

Pendirian berkaitan dasar monetari akan terus memastikan kadar faedah terus selari dengan kegiatan ekonomi dalam negeri di samping menyokong pertumbuhan.

PERKEMBANGAN EKONOMI SUKU KEEMPAT 2004

Keadaan Ekonomi Antarabangsa

Pengembangan ekonomi global yang sederhana di negara perindustrian utama dan pertumbuhan menyeluruh di negara serantau

Ekonomi global terus berkembang pada kadar yang sederhana dalam suasana harga minyak yang tinggi pada suku keempat, didorong oleh pertumbuhan yang kukuh di Amerika Syarikat (AS), Republik Rakyat China (R.R. China) dan pemulihan yang berterusan di negara Eropah. Walau bagaimanapun, data KDNK yang disemak semula menunjukkan bahawa ekonomi Jepun telah merosot pada separuh kedua 2004. Sementara itu, pertumbuhan di rantau Asia terus menyeluruh.

Pertumbuhan KDNK **AS** bertambah kukuh dengan peningkatan pada kadar yang lebih sederhana pada suku keempat, didorong terutamanya oleh perbelanjaan penggunaan, seperti yang ditunjukkan oleh pengembangan dalam jualan rumah, jualan runcit dan pendapatan individu, di samping keyakinan pengguna AS yang kukuh. Perbelanjaan pelaburan memberangsangkan, disokong oleh keuntungan korporat dan aliran wang yang positif. Walau bagaimanapun, defisit perdagangan terus bertambah disebabkan terutamanya oleh harga minyak yang tinggi. Dalam persekitaran pasaran buruh yang semakin pulih, inflasi yang rendah dan pertumbuhan yang kukuh, Federal Reserve terus menaikkan kadar faedah secara

Negara-negara maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2003		2004			Faktor Penyumbang Utama Kepada Pertumbuhan S4
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	
	Perubahan tahunan (%)					
AS[1]	4.2	3.0 s/	4.0	3.8 s/	4.4	Pertumbuhan penggunaan dan pelaburan kukuh, walaupun eksport bersih menyebabkan pertumbuhan yang lebih perlahan.
UK	2.9	2.2	3.1	2.9 s/	3.1	Permintaan dalam negeri terus menerajui pertumbuhan.
Kawasan Euro	0.8	0.5	1.8	1.6	2.0	Pertumbuhan disokong oleh permintaan pengguna yang kukuh di Perancis dan Sepanyol.
Jepun[1]	3.8 s/	1.4 s/	-1.1 s/	-0.5	2.6	Perbelanjaan modal disokong oleh keuntungan korporat yang sihat sementara penggunaan dan eksport menjadi perlahan.

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
s/ Disemak semula
Sumber: Pihak berkuasa negara

berperingkat-peringkat dengan dua kenaikan berturut-turut sebanyak 25 mata asas pada 10 November dan 14 Disember. Ini meningkatkan kadar Federal funds kepada 2.25% pada akhir 2004. Di **kawasan euro**, sentimen ekonomi yang bertambah baik dan indeks keadaan perniagaan IFO Jerman menunjukkan trend pertumbuhan yang terus meningkat. Pertumbuhan ekonomi di **United Kingdom** kekal kukuh, walaupun terdapat sedikit penurunan dalam pasaran perumahan dan penyederhanaan dalam pengeluaran perindustrian. Di **Jepun**, walaupun kaji selidik terkini Tankan menunjukkan penurunan dalam keyakinan perniagaan, namun rancangan perbelanjaan modal korporat telah dibuat semakan ke atas.

Harga hadapan minyak mentah global mencapai paras tertinggi sebanyak AS$55.67

pada 25 Oktober 2004, didorong oleh ketidakpastian geopolitik, kemungkinan berlakunya gangguan bekalan di negara OPEC (Iraq, Nigeria) dan bukan OPEC (Rusia) dan permintaan global yang kukuh. Harga minyak kekal pada paras yang tinggi pada bulan Januari 2005 disebabkan cuaca sejuk yang melanda Timur Laut AS dan beberapa gangguan pengeluaran.

Di rantau **Asia**, pertumbuhan kekal kukuh dengan pengembangan yang menyeluruh, meliputi eksport dan permintaan dalam negeri. Di kebanyakan negara serantau, walaupun kitaran elektronik mula menunjukkan tanda-tanda penurunan, eksport masih berkembang pada kadar dua digit didorong oleh permintaan bermusim yang tinggi pada akhir tahun. Kesan bencana tsunami ke atas ekonomi dianggarkan kecil dan untuk tempoh yang singkat, serta hanya menjejaskan terutamanya industri pelancongan dan perikanan di negara-negara yang terbabit. Secara keseluruhan, pertumbuhan serantau bagi tahun 2004 dianggar mencecah paras 7.5% (2003: 6.4%), tahap tertinggi sejak tahun 2001.

Negara-negara Serantau: Pertumbuhan Benar KDNK

	2003		2004			Faktor penyumbang utama kepada pertumbuhan S4
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	
	Perubahan tahunan (%)					
R. R. China	9.9	9.3	9.1	9.5	9.5	Pertumbuhan menyeluruh yang berterusan disokong oleh pertumbuhan dua digit dalam eksport.
Singapura	5.6	1.4	7.2	6.5	8.4	Prestasi cemerlang dalam subsektor bio perubatan mengimbangi kelembapan dalam subsektor elektronik dan kimia.
Indonesia	4.1	4.9	5.0	6.7	5.1	Pertumbuhan menyeluruh dengan pengembangan yang kukuh dalam pelaburan.
Filipina	5.0	4.7	6.3	5.4	6.1	Disokong oleh perbelanjaan pengguna, pelaburan modal tetap dan eksport yang kukuh.
China Taipei	5.7	3.3	5.3	3.3	5.7	Prestasi paling rendah semenjak S2 2003 ekoran penyederhanaan eksport.

Sumber: Pihak Berkuasa Negara

Pertumbuhan serantau terus dipacu oleh pertumbuhan KDNK benar sebanyak 9.5% di R. R. China.

Di kebanyakan negara serantau, tahap inflasi mula reda ekoran harga minyak yang lebih rendah dan mata wang serantau yang lebih kukuh. Walau bagaimanapun, inflasi di Filipina mencecah paras paling tinggi bagi tempoh 5 tahun disebabkan kesan lat harga minyak yang tinggi, harga makanan yang semakin meningkat dan nilai peso yang lebih rendah.

Di negara serantau, R.R. China, India, China Taipei dan Thailand telah menaikkan kadar faedah bagi mengurangkan tekanan inflasi akibat harga minyak yang tinggi. Peningkatan terkini kadar faedah di Thailand dan China Taipei telah didorong oleh risiko terhadap inflasi ekoran daripada keadaan persekitaran kadar faedah yang rendah dan faktor spesifik bagi setiap negara seperti peningkatan kadar utiliti yang dicadangkan di China Taipei. Sebaliknya, Korea telah menurunkan kadar faedah bagi menyokong pertumbuhan memandangkan permintaan dalam negeri masih lagi lemah.

Dalam pasaran pertukaran asing, kemerosotan dolar AS menjadi semakin ketara sejak bulan November. Pada suku keempat, euro naik nilai kira-kira 9% dan yen kira-kira 7.2% berbanding dengan dolar. Kebanyakan mata wang serantau juga naik nilai ekoran dolar yang lebih lemah serta spekulasi terhadap penilaian semula yuan China. Satu perkembangan yang ketara ialah won Korea, dolar baru Taiwan dan

dolar Singapura menjadi lebih kukuh dengan masing-masing mencecah paras paling tinggi dalam tempoh tujuh tahun, enam tahun dan empat tahun.

Melangkah ke hadapan, pengembangan ekonomi global pada tahun 2005 dijangka kekal pada kadar yang stabil. Kadar penurunan dalam pertumbuhan ekonomi di AS dan R.R. China dijangka sederhana, berdasarkan penyelarasan terhadap ketidakseimbangan dalam ekonomi-ekonomi tersebut dilaksanakan secara beransur-ansur. Dasar monetari dijangka kekal akomodatif memandangkan inflasi diramal kekal terurus dalam keadaan harga minyak yang stabil. Pasaran buruh di beberapa rantau telah bertambah baik. Perkembangan ini akan menyokong pertumbuhan di rantau Asia. Kesan daripada penurunan dalam kitaran elektronik dan harga minyak yang tinggi akan menjadi berbeza-beza mengikut negara. Sungguhpun industri elektronik global sedang menghadapi konsolidasi setelah memuncak pada pertengahan tahun 2004, penurunan dalam kitaran elektronik kali ini dijangka sederhana. Ini memandangkan permintaan global terus kekal, penyelarasan inventori yang lebih cepat dan paras inventori yang secara relatifnya rendah. Secara keseluruhan, permintaan dalam negeri dijangka mendorong pertumbuhan serantau, disokong oleh asas-asas yang kukuh dan sumbangan sektor pertumbuhan baru. Kesan bencana tsunami ke atas ekonomi dijangka kecil dan untuk tempoh yang singkat. Kebanyakan daripada kesan tersebut menjejaskan industri pelancongan dan perikanan di negara-negara yang terbabit.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan didorong oleh sektor swasta

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.6% pada suku keempat 2004. Pertumbuhan didorong oleh aktiviti sektor swasta. Dalam sektor perkilangan, asas yang lebih pelbagai telah berjaya menyederhanakan penurunan dalam pertumbuhan subsektor peralatan elektronik. Sektor perkhidmatan kekal kukuh dengan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam kebanyakan subsektor. Sektor komoditi utama terus mencatat prestasi yang kukuh disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi minyak sawit dan gas asli . Walau bagaimanapun, sektor pembinaan merosot sebanyak 3.3% disebabkan terutamanya oleh aktiviti kejuruteraan awam yang lebih rendah.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2003		2004		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	1.9	5.7	5.3	7.7	5.0
Perlombongan	5.3	5.9	4.7	4.7	4.1
Perkilangan	12.2	8.3	9.9	5.4	9.8
Pembinaan	2.7	1.9	-3.0	-3.3	-1.9
Perkhidmatan	4.7	4.4	6.1	6.3	6.7
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**6.6**	**5.3**	**6.7**	**5.6**	**7.1**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding Sebelumnya)	**2.7**	**5.3**	**2.8**	**1.7**	**7.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkilangan terus berkembang

Nilai ditambah dalam **sektor perkilangan** meningkat sebanyak 5.4% pada

suku keempat 2004 (S3 2004: 9.9%). Kadar pertumbuhan, terutamanya dalam industri barangan elektronik dan elektrik meningkat dengan sederhana (pertumbuhan pengeluaran: 4.7%; S3 2004: 19.3%). Industri berorientasikan eksport utama yang lain terus mencatat pertumbuhan yang kukuh pada suku tersebut. Kadar penggunaan kapasiti secara keseluruhan kekal tinggi pada tahap 79% (S3 2004: 80%), dengan industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri masing-masing beroperasi pada tahap 83% dan 72% (S3 2004: masing-masing 83% dan 75%).

Industri berorientasikan eksport berkembang sebanyak 7.5% (S3 2004:12.8%) ekoran pertumbuhan industri elektronik dan elektrik yang lebih rendah dalam keadaan industri elektronik global mengalami konsolidasi. Pada suku keempat, pengeluar-pengeluar elektronik menyesuaikan keluaran dengan penyelarasan inventori pada peringkat yang berbeza-beza sepanjang rantaian penawaran. Sementara itu, pertumbuhan dalam industri bahan kimia terus kukuh kepada 13.4% (S3 2004: 8.7%),

Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan



Prestasi Sektor Perkilangan

	2003		2004		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	% Perubahan Tahunan				
Nilai ditambah (harga malar)	**12.2**	**8.3**	**9.9**	**5.4**	**9.8**
Pengeluaran Keseluruhan	**15.7**	**10.5**	**11.6**	**7.3**	**12.6**
Industri berorientasikan eksport	**17.7**	**11.9**	**12.8**	**7.5**	**14.1**
Antaranya:					
- Elektronik	30.4	15.1	27.0	9.5	24.9
- Barangan Elektrik	-3.5	-7.0	-8.8	-15.6	-9.8
- Tekstil & pakaian	-11.1	-2.2	-13.8	-15.3	-11.9
- Bahan kimia dan keluaran kimia	22.7	20.8	8.7	13.4	14.1
- Pemprosesan luar estet	0.0	11.8	1.5	17.9	4.0
- Keluaran getah	23.9	18.7	7.5	9.0	14.8
- Kayu dan keluaran kayu[1/]	-0.9	0.9	11.3	4.4	12.5
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**8.8**	**6.1**	**7.2**	**6.2**	**7.1**
Antaranya:					
- Kelengkapan pengangkutan	3.4	-5.5	6.4	16.6	8.3
- Keluaran logam yang direka	17.5	7.4	38.0	20.7	29.0
- Besi & keluli dan logam bukan ferum	13.3	10.8	-1.9	4.8	4.5
- Keluaran galian bukan logam	8.3	9.7	-4.6	-4.9	-4.9
- Keluaran petroleum	-1.2	2.3	7.1	5.5	1.3
- Makanan	7.2	8.8	-1.8	1.8	3.6
Jumlah Eksport Perkilangan	**14.1**	**8.0**	**27.3**	**13.5**	**19.7**
- Elektronik dan barangan elektrik	13.1	5.0	21.3	7.5	15.3
- Keluaran kayu	9.8	6.1	47.1	12.4	29.5
- Barangan perabot	18.0	8.5	24.5	16.2	17.8
- Tekstil, pakaian & kasut	0.2	2.2	19.4	14.0	17.9
- Peralatan optikal & saintifik	12.4	12.3	40.5	19.6	26.3
- Bahan kimia dan keluaran kimia	24.5	23.1	43.6	26.9	31.0
- Keluaran petroleum	10.5	23.8	66.8	57.1	42.2

[1/] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.

didorong oleh pengeluaran gas perindustrian yang lebih tinggi sejajar dengan prestasi pengeluaran gas asli yang kukuh. Industri kimia juga disokong oleh pertumbuhan keluaran plastik yang kukuh. Begitu juga, aktiviti pemprosesan luar estet turut berkembang pada suku keempat, disebabkan oleh peningkatan aktiviti pemprosesan minyak sawit berikutan hasil penuaian yang amat tinggi pada suku tersebut.

Pertumbuhan **industri berorientasikan pasaran dalam negeri** berterusan pada kadar 6.2% (S3 2004: 7.2%), disokong oleh pertumbuhan yang kukuh dalam industri kelengkapan pengangkutan dan keluaran logam yang direka serta pertumbuhan yang sederhana dalam industri besi dan keluli. Pertumbuhan dalam industri

kelengkapan pengangkutan terus kukuh kepada 16.6% (S3 2004: 6.4%), disebabkan oleh permintaan kenderaan penumpang yang tinggi berikutan pemasaran kenderaan model baru pada suku keempat serta permintaan luaran yang tinggi terhadap skuter dan motosikal. Permintaan luaran yang kukuh juga menyokong pertumbuhan dalam keluaran logam yang direka dan industri besi dan keluli pada suku tersebut.

Sektor perkhidmatan kekal mantap

Momentum pertumbuhan dalam **sektor perkhidmatan** berterusan (6.3%; S3 2004: 6.1%), disokong oleh kekukuhan penggunaan, pelancongan dan aktiviti berkaitan perdagangan. Subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan mencatat pertumbuhan sebanyak 6.2% (S3 2004: 5.4%) ekoran aktiviti pemberian pinjaman bank dan insurans yang lebih tinggi, sementara pertumbuhan subsektor perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran terus mapan pada 6.9% (S3 2004: 5.9%). Subsektor ini disokong oleh ketibaan pelancong yang terus meningkat (15.4%) serta perbelanjaan penggunaan yang kukuh pada musim cuti dan perayaan, termasuk permintaan terhadap barangan tahan lama seperti kenderaan bermotor.

Sub-sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi mencatat peningkatan yang ketara sebanyak 9.2%. Sub-sector ini mendapat manfaat terutamanya daripada prestasi industri telekomunikasi yang memberangsangkan. Pertumbuhan sub-sektor ini diterajui oleh jumlah pelanggan yang lebih tinggi dalam segmen selular dengan bilangan pelanggan baru yang tertinggi dicatatkan pada suku tersebut. Penggunaan jalur lebar meningkat dengan kadar penembusan bertambah daripada 0.85% pada akhir bulan September kepada hampir 1% pada akhir tahun 2004. Aktiviti perdagangan dan aktiviti berkaitan dengan perjalanan juga

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2003		2004		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Penunjuk berkaitan pelancongan					
Kadar Penginapan Hotel (indeks)	59.3	53.3	65.6	62.7	60.8
Ketibaan pelancong	3.8	-20.4	51.5	15.4	48.5
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang di Malaysia	10.7	2.0	15.2	11.2	18.9
Penunjuk berkaitan penggunaan					
Jumlah kredit penggunaan belum jelas	11.1	11.1	14.7	16.4	16.4
Import barangan pengguna	5.8	-1.2	38.8	16.5	24.1
Jumlah jualan kenderaan penumpang	-11.7	-10.9	19.6	27.3	15.3
Kadar penembusan telefon bimbit (% pada akhir tempoh)	43.9	43.9	50.8	55.9	55.9
Penunjuk berkaitan perdagangan					
Kargo yang dikendali (Kesemua lapangan terbang)	2.9	7.0	13.7	10.2	10.5
Kargo kontena yang dikendali (Port Klang dan PTP)	11.2	15.6	8.8	3.6	11.2

Sumber: Pelbagai sumber

Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai Ditambah)

	2003		2004		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**5.8**	**5.5**	**6.2**	**7.3**	**7.2**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	8.0	5.7	7.5	9.2	8.4
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	4.6	5.4	5.4	6.2	6.5
Perkhidmatan Akhir	**3.9**	**3.7**	**6.0**	**5.6**	**6.3**
Elektrik, gas & air	5.5	5.7	7.4	7.7	8.1
Perniagaan borong & runcit, hotel dan restoran	3.1	1.5	5.9	6.9	7.1
Perkhidmatan Kerajaan	5.1	7.6	6.9	3.7	5.1
Perkhidmatan lain	3.4	3.3	4.6	3.9	5.0
Jumlah Perkhidmatan	**4.7**	**4.4**	**6.1**	**6.3**	**6.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

menyumbang secara positif kepada subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Pertumbuhan subsektor utiliti disokong oleh permintaan elektrik yang semakin meningkat oleh kesemua kategori pengguna, sementara pengembangan subsektor perkhidmatan Kerajaan disebabkan oleh peningkatan emolumen dan pembayaran bonus kepada kakitangan awam.

Prestasi kukuh dalam sektor komoditi utama

Sektor komoditi utama terus mencatat prestasi yang kukuh dengan sektor perlombongan dan pertanian meningkat masing-masing sebanyak 7.7% dan 4.7% (S3 2004: masing-masing sebanyak 5.3% dan 4.7%). Pertumbuhan sektor pertanian disokong oleh prestasi yang sangat memberangsangkan dalam sektor minyak sawit, sementara peningkatan dalam sektor perlombongan didorong terutamanya oleh pengeluaran gas asli yang kukuh dan pertumbuhan berterusan dalam pengeluaran minyak mentah.

Dalam **sektor pertanian**, pengeluaran minyak sawit mentah meningkat dengan ketara sebanyak 16.5% (S3 2004: 5.2%) didorong oleh perluasan kawasan kelapa sawit matang, terutamanya di Malaysia Timur, serta peningkatan produktiviti. Hasil dari segi tandan buah segar dan kadar perahan minyak mencatat peningkatan pada suku keempat, masing-masing sebanyak 5.19 tan sehektar dan 20.19%, berbanding suku yang sama pada tahun 2003 (masing-masing sebanyak 4.74 tan sehektar dan 19.9%). Sementara itu, pengeluaran getah mencatat peningkatan yang lebih sederhana pada suku keempat (5.7%; S3 2004: 22.5%) berikutan pengurangan jumlah hari menoreh disebabkan cuti perayaan yang panjang.

Prestasi Sektor Pertanian

	2003		2004		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**1.9**	**5.7**	**5.3**	**7.7**	**5.0**
Pengeluaran[1] *antaranya:*					
Minyak sawit mentah	5.4	12.1	5.2	16.5	4.7
Minyak isirung sawit mentah	3.4	11.6	-3.5	11.8	-0.1
Getah	12.4	10.8	22.5	5.7	20.4
Kayu balak	-7.8	4.3	6.8	3.8	0.2
Biji koko	-42.0	-24.0	17.7	17.9	-7.8
Eksport (RM juta) *antaranya:*	**14.9**	**28.0**	**4.2**	**1.2**	**7.4**
Minyak sawit					
('000 tan)	0.7	15.0	-14.0	2.3	-5.6
(RM/tan)	10.6	18.3	5.9	-6.1	5.5
(RM juta)	11.4	36.1	-8.9	-3.9	-0.4
Minyak isirung sawit					
('000 tan)	42.4	17.1	-39.9	-24.7	-8.3
(RM/tan)	10.3	18.0	55.9	38.9	46.9
(RM juta)	57.0	38.2	-6.4	4.5	34.7
Getah					
('000 tan)	9.7	2.0	15.3	16.6	16.7
(sen/kilogram)	36.1	41.0	29.0	2.6	24.3
(RM juta)	49.4	43.8	48.7	19.6	45.1
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	4.5	1.3	15.3	16.3	13.5
(RM/meter padu)	1.6	2.9	-1.9	-10.2	-10.4
(RM juta)	6.2	4.2	13.1	4.4	1.7
Kayu balak					
('000 meter padu)	11.2	8.4	22.8	-17.9	-5.9
(RM/meter padu)	-5.8	1.8	7.3	6.2	8.9
(RM juta)	4.7	10.3	31.8	-12.8	2.5
Biji koko					
('000 tan)	-53.6	-37.9	53.8	-15.6	-27.7
(RM/tan)	-11.0	20.9	-5.8	-5.9	-12.6
(RM juta)	-58.7	-25.0	44.8	-20.6	-36.8

[1] Dalam '000 tan, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Dalam **sektor perlombongan**, pengeluaran gas asli meningkat sebanyak 10.3% dengan mencatat pengeluaran suku tahunan tertinggi dalam sejarah sebanyak 5,865 juta kaki padu standard sehari. Pengeluaran yang kukuh ini didorong oleh peningkatan penggunaan kapasiti loji Gas

Asli Cecair Malaysia (MLNG) di Sarawak dan Loji Pemprosesan Gas (GPP) di Semenanjung Malaysia. Walaupun pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) meningkat pada kadar yang sederhana, iaitu sebanyak 1.4% pada suku keempat (S3 2004: 5.4%), pengeluaran pada suku ini mencatat tahap tertinggi sebanyak 774,191 tong sehari dalam suasana permintaan global yang kukuh dan harga yang tinggi. Harga minyak mentah Tapis Blend Malaysia mencecah paras tertinggi dalam sejarah, iaitu melebihi AS$55 setong pada 21 Oktober sejajar dengan perkembangan pasaran minyak global sebelum menjadi sederhana ke paras AS$40-45 selepas itu.

Prestasi Sektor Perlombongan

	2003		2004		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**5.3**	**5.9**	**4.7**	**4.7**	**4.1**
Pengeluaran *antaranya:*					
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	6.4	5.6	5.4	1.4	3.6
Gas asli (bersih) (juta kaki padu standard)	5.2	7.2	-1.5	10.3	4.0
Eksport (RM juta) *antaranya:*	**26.6**	**33.3**	**50.1**	**44.7**	**38.2**
Minyak mentah					
('000 tan)	19.2	10.6	7.8	-11.0	1.0
(AS$/tong)	12.6	22.0	50.6	53.3	34.8
(RM juta)	34.2	35.0	62.3	36.4	36.1
Gas asli cecair					
('000 tan)	15.1	15.4	8.9	19.4	19.7
(RM/tan)	2.4	17.1	11.7	15.9	6.8
(RM juta)	17.8	35.1	21.7	38.5	27.9

Aktiviti pembinaan merosot

Pertumbuhan dalam **sektor pembinaan** menguncup sebanyak 3.3% (S3 2004: -3%) disebabkan terutamanya oleh aktiviti kejuruteraan awam yang lebih rendah, manakala segmen kediaman dan bukan kediaman terus berkembang. Permintaan, terutamanya bagi harta kediaman bertanah kekal kukuh disokong oleh pakej kewangan yang menarik dan pendapatan boleh guna yang meningkat. Pembinaan dalam segmen bukan kediaman didorong terutamanya oleh permintaan terhadap ruang pejabat dan ruang perniagaan dalam suasana aktiviti perniagaan yang menggalakkan.

Penunjuk Pembinaan

	2003		2004		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan iklan baru	21.5	-2.7	-31.9	-19.4	-5.9
Kelulusan perumahan	23.7	2.2	-30.7	-34.9	-14.1
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	10.6	10.2	-3.4	-0.4	-0.6
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	16.1	-4.7	39.0	-14.8	2.4
Import bahan pembinaan dan bahan galian	17.8	-6.7	86.5	15.8*	42.2**

* Okt. - Nov. '04 ** Jan. - Nov. '04

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor swasta mendorong pertumbuhan…

Pertumbuhan ekonomi yang mendapat momentum sejak suku pertama tahun 2004, kekal mapan pada suku keempat dengan adanya sokongan daripada pengembangan permintaan aggregat dalam negeri (6.4%; S3 2004: 7.3%) yang didorong oleh sektor swasta. Perbelanjaan isi rumah dan perniagaan menyumbang kepada pengembangan yang pesat, sementara Kerajaan Persekutuan terus mengurangkan perbelanjaan bagi meneruskan program konsolidasi fiskalnya.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2003		2004		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Agregat Permintaan Dalam Negeri (tidak termasuk stok)	7.7	5.9	7.3	6.4	7.3
Penggunaan	9.5	7.4	9.2	8.1	9.2
Sektor swasta	8.6	6.6	10.8	9.7	10.1
Sektor awam	12.2	10.0	4.6	3.7	6.6
Pembentukan Modal Tetap Kasar	3.6	2.7	3.2	2.2	3.1
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	10.9	6.3	18.2	10.7	15.6
Import Barangan dan Perkhidmatan	15.9	5.0	23.2	12.6	19.8
KDNK	**6.6**	**5.3**	**6.7**	**5.6**	**7.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan guna tenaga yang stabil dan pendapatan boleh guna yang kekal tinggi hasil daripada pendapatan eksport komoditi yang tinggi serta pembayaran bonus akhir tahun mengekalkan sentimen pengguna dan seterusnya menyebabkan **penggunaan swasta** terus meningkat pada suku keempat (9.7%; S3 2004: 10.8%). Suasana pembiayaan kewangan yang menggalakkan, inflasi dan kadar faedah yang rendah serta tempoh perayaan yang berpanjangan juga menyumbang kepada keinginan pengguna untuk berbelanja. Meskipun Indeks Sentimen Pengguna MIER lebih rendah pada suku keempat, indeks tersebut kekal melebihi paras ambang 100 mata, menunjukkan bahawa keyakinan pengguna kekal positif. Keyakinan pengguna juga dicerminkan oleh prestasi penunjuk utama lain seperti import barangan pengguna, jualan kereta penumpang, pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan kepada isi rumah untuk tujuan penggunaan dan pembelian barangan tahan lama, yang terus mencatat pertumbuhan dua angka. Pertumbuhan **penggunaan awam** menyederhana pada 3.7% (3Q 2004: 4.6%).

Aktiviti pelaburan swasta adalah pesat, disokong oleh perbelanjaan untuk penggantian mesin dan kelengkapan dalam sektor perkilangan serta pelaburan untuk alat peninjauan sismos and geofizik untuk aktiviti penerokaan minyak. Kekuatan aktiviti perniagaan disokong oleh permintaan, penggunaan kapasiti dan pendapatan korporat yang bertambah baik. Oleh itu, aktiviti pelaburan swasta yang meningkat tidak memadai untuk mengimbangi perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang menurun dengan ketara. Oleh itu,

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan lebih rendah



Keyakinan pengguna dan peniaga kekal mapan pada S4



pembentukan modal tetap kasar meningkat (2.2%). Walaupun perbelanjaan pembangunan lebih rendah, perbelanjaan terus disalurkan kepada operasi fiskal dan perkhidmatan yang meningkatkan kapasiti seperti pendidikan, perumahan, pengangkutan, pertanian dan pembangunan luar bandar.

Inflasi

Inflasi meningkat sedikit

Kadar tahunan inflasi seperti yang diukur oleh perubahan **Indeks Harga Pengguna** (IHP), meningkat kepada 2.1% pada suku keempat (S3 2004: 1.5%). Peningkatan harga didorong terutamanya oleh kenaikan harga pengangkutan, makanan dan rokok serta barangan tembakau. Kenaikan harga pengangkutan disebabkan oleh peningkatan harga runcit barangan petroleum sebanyak 5 sen yang berkuatkuasa 1 Oktober 2004. Harga makanan meningkat lagi disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga makanan di luar rumah. Peningkatan harga rokok dan tembakau juga adalah lebih tinggi disebabkan kenaikan duti eksais yang diumumkan dalam Bajet 2005.

Sumbangan kepada Inflasi



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 7.7% (S3 2004: 11.9%) disebabkan terutamanya oleh harga komoditi yang lebih rendah. Sementara itu, IHPR tidak termasuk komoditi kekal stabil pada 2.2% pada suku keempat (S3 2004: 1.8%).

Keadaan pasaran pekerja stabil

Keadaan **pasaran pekerja** pada suku keempat kekal stabil, disokong oleh pertumbuhan produktiviti yang kukuh. Bilangan kekosongan jawatan yang dilaporkan kepada pihak berkuasa (12,921 jawatan) jauh melebihi pemberhentian pekerja (4,459 orang) dan bilangan pencari kerja yang berdaftar kekal rendah (27,227 orang). Pertumbuhan produktiviti pekerja bagi suku tersebut, seperti yang diukur oleh nilai jualan benar bagi seorang pekerja dalam sektor perkilangan, meningkat sebanyak 15.3%. Upah benar bagi seorang pekerja merosot sebanyak 1.4%.

Keadaan Pasaran Buruh Stabil



Pertumbuhan eksport dan import kekal kukuh

Pada suku keempat tahun 2004, **akaun perdagangan** mencatat lebihan perdagangan yang kekal besar sebanyak RM21 bilion (S3 2004: RM22.7 bilion). Eksport dan import kasar terus berkembang masing-masing sebanyak 16.1% dan 18.6%, sejajar dengan pertumbuhan dalam pengeluaran dan aktiviti pelaburan.

Imbangan perdagangan



Kesemua kategori eksport, iaitu perkilangan, pertanian dan mineral mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana. Eksport **barangan perkilangan** meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 13.5% (S3: 27.3%) disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam kadar pertumbuhan pada kitaran elektronik global. Dalam suasana pertumbuhan eksport keluaran elektronik dan elektrik yang lebih perlahan (7.5%), pengilang-pengilang tersebut telah menyelaraskan keluaran untuk mempercepat penyelarasan inventori pada suku tersebut. Sebahagian daripada penurunan dalam pertumbuhan eksport keluaran elektronik dan elektrik diimbangi oleh pertumbuhan eksport yang berasaskan sumber yang kukuh. Yang penting ialah eksport keluaran petroleum dan kimia kekal kukuh, didorong oleh permintaan daripada rantau Asia dan peningkatan harga eksport. Bagi eksport yang tidak berasaskan sumber, eksport kelengkapan pengangkutan kekal teguh disokong oleh peningkatan eksport pelantar terapung dan penggerudian untuk aktiviti penerokaan minyak dan gas, serta permintaan bagi skuter dan motosikal. Permintaan daripada negara serantau terutama R.R. China terhadap barangan logam juga adalah tinggi.

Eksport **komoditi pertanian** mencatat peningkatan yang kecil sebanyak 1.2% pada suku keempat, berikutan kemerosotan subsektor utama eksport, terutamanya minyak sawit, yang lebih daripada mengimbangi peningkatan yang tinggi dalam eksport getah dan minyak isirung kelapa sawit. Eksport minyak sawit merosot sebanyak 3.9% pada suku tersebut disebabkan keseluruhannya oleh harga yang lebih rendah. Harga eksport purata minyak sawit Malaysia merosot sebanyak 6.1% kepada RM1,587 setan

Akaun Perdagangan

	2003		2004		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport kasar	**15.1**	**11.3**	**27.5**	**16.1**	**20.8**
Perkilangan	*14.1*	*8.0*	*27.3*	*13.5*	*19.7*
Pertanian	*14.9*	*28.0*	*4.2*	*1.2*	*7.4*
Galian	*26.6*	*33.3*	*50.1*	*44.7*	*38.2*
Import kasar	**16.0**	**4.4**	**31.1**	**18.6**	**26.3**
Barangan modal	*8.8*	*-5.6*	*38.4*	*37.7*	*36.1*
Barangan pengantara	*19.7*	*7.6*	*25.5*	*12.8*	*22.0*
Barangan penggunaan	*5.8*	*-1.2*	*38.8*	*16.5*	*24.1*
Imbangan perdagangan (RM bil)	**20.0**	**81.3**	**22.7**	**21.0**	**81.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

kerana sentimen terjejas akibat pertambahan paras stok minyak sawit Malaysia (akhir Disember 2004: 1.49 juta tan) dan hasil tuaian kacang soya (pesaing utama minyak sawit) yang melebihi jangkaan di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, nilai unit eksport bertambah pada suku tersebut, mencerminkan pembelian yang lebih tinggi (2.3%; S3 2004: -14%), terutamanya dari R.R.China dan Kesatuan Eropah. Perolehan eksport getah terus mencatat peningkatan dua angka sebanyak 19.6%, disokong terutamanya oleh peningkatan jumlah eksport yang mantap (16.6%) dan harga eksport yang lebih tinggi (460 sen sekilogram).

Eksport mineral terus berkembang pada kadar yang kukuh sebanyak 44.7% ekoran harga minyak mentah yang mencapai paras tertinggi. Harga eksport minyak mentah Malaysia meningkat dengan ketara sebanyak 53.3% kepada harga purata AS$48.19 setong, sejajar dengan perkembangan dalam pasaran minyak antarabangsa pada suku tersebut. Minyak mentah Malaysia, iaitu Tapis Blend mencecah paras niaga harian tertinggi sebanyak AS$55.10 setong pada 21 Oktober. Pembeli-pembeli utama, khususnya Australia dan Indonesia, meningkatkan pembelian minyak dengan ketara, masing-masing sebanyak 73.6% dan 30.3%. Eksport gas asli cecair (LNG) juga meningkat sebanyak 38.5%, disokong oleh harga yang lebih kukuh (15.9%) dan jumlah eksport yang lebih tinggi (19.4%). Peningkatan jumlah eksport adalah didorong oleh permintaan gas asli yang lebih tinggi daripada pembeli-pembeli tradisional LNG Malaysia, iaitu Jepun, Korea dan China Taipei.

Perdagangan Malaysia dengan negara-negara serantau (tidak termasuk Jepun) terus meningkat. Asia Timur (tidak termasuk Jepun) mencakupi 44.5% daripada jumlah eksport Malaysia. Faktor penyumbang utama kepada peningkatan tersebut ialah pertumbuhan eksport yang kukuh ke negara-negara ASEAN, Republik Rakyat China dan China Taipei, khususnya bagi barangan elektrik dan elektronik, serta keluaran berasaskan sumber, iaitu keluaran petroleum mentah dan petroleum yang ditapis, bahan kimia, logam dan LNG. Walau bagaimanapun, peningkatan dalam pembelian komponen yang lebih murah dari negara serantau menyebabkan pertumbuhan import dari negara-negara tersebut mengatasi pertumbuhan eksport. Eksport ke Amerika Syarikat meningkat pada kadar yang sederhana untuk mencakupi bahagian pasaran yang lebih rendah iaitu 18.3% (S3 2004: 19.5%). Eksport ke Kesatuan Eropah terus meningkat untuk mencakupi bahagian pasaran sebanyak 11.6%. Satu perkembangan yang ketara pada suku keempat ialah peningkatan eksport berasaskan sumber ke Australia, yang meningkat sebanyak 70.8%.

Import kasar kekal kukuh, walaupun meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 18.6%, sejajar dengan pertumbuhan dalam pengeluaran dan eksport barangan elektrik dan elektronik. Import **barangan pengantara** yang merupakan input kepada eksport barangan perkilangan, khususnya barangan elektrik dan elektronik, terus berkembang sebanyak 12.8%. Pertumbuhan import barangan pengantara juga disokong oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap

Malaysia: Destinasi eksport

	2003		2004			2003		2004			2003		2004		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion					Bahagian daripada jumlah eksport (%)					Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**21.1**	**77.9**	**25.0**	**23.2**	**90.2**	**19.3**	**19.6**	**19.5**	**18.3**	**18.8**	**15.5**	**5.0**	**25.7**	**9.8**	**15.8**
Kesatuan Eropah (EU) [1]	**12.7**	**48.1**	**15.0**	**14.7**	**56.7**	**11.7**	**12.1**	**11.7**	**11.6**	**11.8**	**8.5**	**9.7**	**24.4**	**15.3**	**17.7**
Negara ASEAN terpilih [2]	**27.1**	**97.9**	**31.9**	**32.0**	**119.7**	**24.8**	**24.6**	**24.8**	**25.3**	**24.9**	**17.1**	**7.3**	**32.2**	**18.2**	**22.3**
Negara Timur Laut Asia	**21.8**	**77.4**	**24.1**	**24.3**	**93.4**	**20.0**	**19.5**	**18.8**	**19.2**	**19.4**	**15.8**	**18.3**	**22.8**	**11.5**	**20.7**
Republik Rakyat China	7.6	25.8	8.6	8.3	32.1	7.0	6.5	6.7	6.6	6.7	35.0	28.9	28.3	8.8	24.6
Hong Kong China	6.9	25.7	7.4	7.3	28.7	6.3	6.5	5.8	5.8	6.0	9.9	26.8	7.1	6.4	11.5
China Taipei	3.8	14.3	4.2	4.1	15.8	3.5	3.6	3.3	3.2	3.3	14.6	8.0	14.9	7.4	10.0
Korea	3.5	11.6	3.9	4.6	16.8	3.2	2.9	3.0	3.6	3.5	-2.9	-2.6	66.0	32.0	45.7
India	**2.7**	**9.6**	**2.8**	**3.2**	**11.4**	**2.5**	**2.4**	**2.2**	**2.5**	**2.4**	**30.2**	**43.8**	**24.3**	**17.4**	**18.3**
Jumlah eksport	**109.1**	**397.9**	**128.2**	**126.7**	**480.7**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**15.1**	**11.3**	**27.5**	**16.1**	**20.8**

1 Merujuk kepada 15 negara EU
2 Termasuk negara-negara Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Viet Nam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

logam dan input berasaskan sumber, yang menyebabkan peningkatan ketara bagi import bekalan perindustrian iaitu logam, keluaran besi dan keluli dan bahan kimia. Pertumbuhan penggunaan swasta yang mapan turut membawa kepada peningkatan import bahan mentah dan yang diproses yang digunakan oleh industri makanan dan minuman. Pertumbuhan industri pemasangan kenderaan bermotor berikutan permintaan yang lebih tinggi terhadapnya telah menyebabkan import alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan meningkat.

Pertumbuhan import



Import **barangan modal**, yang mencakupi 15.1% daripada jumlah import, terus berkembang dengan kukuh sebanyak 37.7%, mencerminkan peningkatan dalam aktiviti pelaburan. Sebahagian besar daripada import barangan modal disalur ke dalam industri perkilangan dan perkhidmatan untuk tujuan penambahbaikan tahap teknologi serta pengembangan kapasiti. Pengenalan teknologi baru untuk telefon selular menyebabkan peningkatan yang lebih tinggi dalam import alat kelengkapan telekomunikasi pada suku keempat. Import alat kelengkapan pejabat pula kekal kukuh disebabkan syarikat terus mempertingkatkan lagi prasarana dalam teknologi maklumat. Import barangan lumpy meningkat disebabkan bertambahnya penghantaran kapal dan pesawat udara baru, berikutan peningkatan permintaan untuk tujuan menambahkan bilangan kapal dan pesawat udara bagi memenuhi permintaan pasaran baru. Import barangan modal, tidak termasuk barangan lumpy meningkat sebanyak 26.6%.

Malaysia: Import Mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC)

	2003		2004		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
BARANGAN MODAL	**8.8**	**-5.6**	**38.4**	**37.7**	**36.1**
Barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	0.7	0.2	27.6	31.0	28.4
Kelengkapan pengangkutan	202.7	-49.1	292.6	90.9	151.0
BARANGAN PENGANTARA	**19.7**	**7.6**	**25.5**	**12.8**	**22.0**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	9.2	12.4	58.7	25.1	52.9
Bekalan perindustrian, t.s.t.l	16.4	2.6	53.6	29.2	38.9
Bahan api dan pelincir	18.7	23.2	76.4	68.4	41.8
Alat ganti dan aksesori barang modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	21.6	9.4	8.3	-1.5	10.5
Alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan	24.9	-8.6	36.0	38.9	35.0
BARANGAN PENGGUNAAN	**5.8**	**-1.2**	**38.8**	**16.5**	**24.1**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	10.1	-5.2	55.2	18.9	31.3
Kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	125.9	102.9	50.6	-34.4	-6.7
Barangan pengguna, t.s.t.l.	1.3	-0.3	29.9	16.9	20.8
Barangan tahan lama	*-23.1*	*-4.3*	*35.9*	*17.3*	*20.8*
Barangan separa tahan lama	*8.3*	*-5.9*	*23.7*	*9.9*	*18.2*
Barangan tidak tahan lama	*14.8*	*6.9*	*32.4*	*22.3*	*22.9*
BARANGAN DUA GUNA	**14.2**	**8.8**	**54.3**	**43.5**	**39.8**
LAIN-LAIN	**-5.0**	**-6.3**	**26.1**	**4.7**	**10.8**
IMPORT TERTANGGUH	**16.5**	**4.8**	**28.5**	**16.8**	**24.1**
EKSPORT SEMULA	**0.6**	**-6.9**	**134.5**	**77.6**	**102.9**
IMPORT KASAR	**16.0**	**4.4**	**31.1**	**18.6**	**26.3**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sejajar dengan pendapatan boleh guna yang bertambah tinggi serta permintaan yang lebih tinggi di musim perayaan, import **barangan penggunaan** meningkat sebanyak 16.5%. Pertumbuhan import barangan penggunaan disebabkan terutamanya oleh peningkatan permintaan terhadap makanan dan minuman serta barangan pengguna. Pada suku keempat, import barangan untuk tujuan eksport semula terus mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 77.6% hasil daripada aktiviti pemasangan dan pembungkusan di kawasan pengagihan yang terletak di zon komersial bebas. Import barangan untuk dieksport semula merangkumi terutamanya barangan elektrik dan elektronik, alat kelengkapan telekomunikasi serta keluaran besi dan keluli.

Jumlah ketibaan pelancong pada suku keempat adalah yang tertinggi pada tahun 2004

Ketibaan pelancong meningkat sebanyak 15.4% kepada 4 juta orang pada suku keempat tahun 2004, iaitu jumlah ketibaan pelancong suku tahunan tertinggi pada tahun tersebut. Pertambahan yang ketara dalam ketibaan pelancong disumbangkan terutamanya oleh pelancong dari Singapura, Thailand, Indonesia dan Brunei yang menyumbang 79.1% daripada jumlah ketibaan pelancong. Sementara itu, pelancong dari Korea Selatan dan United Kingdom mencatat peningkatan yang kukuh sejajar dengan rangkaian hubungan yang lebih banyak melalui pertambahan dalam bilangan penerbangan. Pelancong jarak jauh dari negara-negara Amerika dan Eropah terus meningkat pada suku keempat hasil daripada pakej promosi yang menarik serta peningkatan dalam rangkaian perhubungan.

Ketibaan Pelancong Suku Tahunan



Aliran masuk FDI, pelaburan luar negeri dan pelaburan portfolio lebih tinggi

Berdasarkan asas tunai, aliran masuk **pelaburan langsung asing (FDI)** meningkat kepada RM4.6 bilion pada suku keempat 2004 (S3 2004: RM4.1 bilion). Aliran masuk FDI disalurkan sama banyak ke ketiga-tiga sektor utama, iaitu sektor perkilangan, perkhidmatan, dan minyak dan gas. Aliran masuk FDI ke sektor perkilangan adalah terutamanya untuk industri elektrik dan elektronik, keluaran kertas dan aktiviti berkaitan petroleum. Sementara itu, sebahagian besar daripada aliran masuk FDI ke sektor perkhidmatan adalah untuk subsektor perkhidmatan perniagaan dan sokongan serta subsektor perdagangan borong dan runcit. Setelah pelarasan dibuat ke atas aliran keluar yang disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman kepada syarikat berkaitan serta pembubaran perniagaan milik bukan pemastautin di Malaysia, aliran masuk FDI bersih kekal tinggi pada RM1.7 bilion (S3 2004: RM1.9 bilion).

Aliran keluar kasar bagi **pelaburan luar negeri** meningkat dengan ketara kepada RM16.5 bilion (S3 2004: RM5.2 bilion), disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam pemberian pinjaman jangka pendek oleh syarikat milik bukan pemastautin di Malaysia kepada syarikat berkaitan mereka di luar negeri berikutan aktiviti operasi perbendaharaan berpusat. Namun demikian, sebahagian besar aliran keluar tersebut telah diimbangi oleh aliran masuk untuk pembayaran balik pinjaman jangka pendek antara syarikat pada suku keempat. Jika aliran keluar dana untuk operasi perbendaharaan tidak diambil kira, pelaburan luar negeri oleh sektor perkhidmatan dikuasai oleh subsektor utiliti, mencerminkan pemerolehan sebuah loji jana kuasa di Indonesia. Pelaburan luar negeri oleh syarikat perkilangan juga meningkat dengan lebih tinggi, terutamanya ke dalam industri semikonduktor dan komponen elektronik yang lain serta industri perkilangan yang berkaitan dengan petroleum. Pelaburan luar negeri oleh sektor minyak dan gas juga meningkat, dengan sebahagian besar pelaburan disalurkan ke Amerika Syarikat dan ke beberapa buah negara terpilih di ASEAN dan Afrika. Setelah membuat pelarasan kepada aliran masuk yang disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman jangka pendek antara syarikat serta pembubaran perniagaan milik peniaga Malaysia di luar negeri, pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM3.5 bilion (S3 2004: -RM1.6 bilion).

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih, iaitu sebanyak RM11.1 bilion (S3 2004: RM6.1 bilion) berikutan penglibatan semula pelabur asing secara aktif dalam pasaran-pasaran ekuiti dan sekuriti hutang. Ini seiring dengan pemulihan dalam sentimen para pelabur berikutan penarafan berdaulat bagi Malaysia serta jangkaan penjajaran semula kadar pertukaran di rantau Asia.

Hutang luar negeri masih terkawal

Jumlah hutang luar negeri Malaysia meningkat kepada RM197.3 bilion atau AS$51.9 bilion pada akhir tahun 2004 (S3 2004: RM193.5 bilion atau AS$50.9 bilion), bersamaan 47.9% daripada KNK. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang**

Hutang Luar Negeri yang belum dijelaskan

	2003	2004		
	Akhir Dis.	Akhir Jun	Akhir Sep.	Akhir Dis.[a/]
Hutang jangka sederhana & panjang	152.9	151.6	149.9	154.2
Sektor awam	96.8	96.4	94.4	96.6
Sektor swasta	56.1	55.2	55.5	57.6
Hutang jangka pendek[1]	33.7	42.6	43.6	43.1
Jumlah hutang luar negeri	186.6	194.2	193.5	197.3
- bersamaan AS$ bilion	49.1	51.1	50.9	51.9

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan

[a/] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang Luar Negeri



yang lebih tinggi pada RM154.2 bilion atau AS$40.6 bilion (S3 2004: RM149.9 bilion), disebabkan oleh peminjaman luar negeri bersih oleh sektor awam dan swasta. Sektor awam bertukar arah untuk mencatat peminjaman bersih yang kecil sebanyak RM0.4 bilion, mencerminkan pengambilan dan pembayaran balik pinjaman luar negeri yang lebih rendah. Sektor swasta pula mencatat peminjaman hutang luar negeri kasar lebih tinggi, terutamanya oleh industri minyak dan gas, dan sektor perkilangan, dan pembayaran balik pinjaman yang juga meningkat pada suku keempat.

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** berkurangan sedikit kepada RM43.1 bilion atau AS$11.3 bilion (S3 2004: RM43.6 bilion), disebabkan terutamanya oleh hutang luar negeri jangka pendek sektor swasta bukan bank yang lebih rendah. Pada akhir tahun 2004, hutang jangka pendek kekal pada paras yang rendah, mencakupi 21.8% daripada jumlah hutang luar negeri, dan kira-kira 17% daripada rizab antarabangsa bersih.

Rizab antarabangsa bertambah kukuh ke paras tertinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia bertambah kukuh lagi dengan peningkatan RM37.4 bilion (AS$9.8 bilion) pada suku keempat tahun 2004 hingga mencapai paras tertinggi sebanyak RM253.5 bilion (AS$66.7 bilion) pada 31 Disember 2004. Peningkatan rizab pada suku keempat disebabkan terutamanya oleh pembawaan pulang perolehan eksport yang lebih besar, serta aliran masuk pelaburan langsung asing dan dana portfolio yang lebih tinggi. Paras rizab turut mengambil kira pelarasan suku tahunan keuntungan penilaian semula pertukaran asing sebanyak AS$2.6 bilion. Sementara itu, aliran keluar mencerminkan terutamanya pembayaran import barangan dan perkhidmatan yang lebih tinggi, penghantaran pulang keuntungan dan dividen akhir tahun, dan sejumlah pembayaran balik pinjaman luar negeri.

Rizab meningkat lagi kepada RM269.6 bilion (AS$71 bilion) pada 15 Februari 2005, disokong terutamanya oleh pembawaan pulang perolehan eksport yang mapan. Paras

rizab adalah cukup untuk membiayai 8.5 bulan import tertangguh dan merupakan 6 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Defisit fiskal yang lebih besar

Kerajaan Persekutuan mencatat defisit yang lebih besar sebanyak RM8.8 bilion pada suku keempat tahun 2004, disebabkan oleh perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi. Perbelanjaan yang lebih besar dicatatkan dalam pembayaran emolumen disebabkan oleh pembayaran bonus, pencen dan gratuiti, pembayaran subsidi minyak serta pembayaran balik lebihan cukai. Prestasi hasil kekal memuaskan, mencerminkan kutipan yang lebih tinggi daripada cukai pendapatan dan kebanyakan kategori utama cukai tidak langsung. Dalam keadaan mudah tunai sistem perbankan dalam negeri yang mencukupi, defisit fiskal telah dibiayai daripada sumber dalam negeri. Pada akhir tahun 2004, hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM216.5 bilion atau 48.4% daripada KDNK. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan adalah lebih

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2003		2004		
	S4	Jan.-Dis.	S3	S4	Jan.-Dis.[a]
	RM bilion				
Hasil	34.4	92.6	24.6	35.2	99.4
% perubahan	*25.8*	*10.9*	*5.5*	*1.8*	*7.1*
Perbelanjaan mengurus	22.4	75.2	19.9	34.5	90.3
% perubahan	*-0.5*	*9.5*	*11.9*	*53.9*	*20.1*
Akaun semasa	**12.0**	**17.4**	**4.6**	**0.7**	**9.0**
% daripada KDNK	***11.4***	***4.4***	***4.0***	***0.6***	***2.0***
Perbelanjaan pembangunan kasar	14.3	39.4	6.2	9.9	28.3
% perubahan	*-5.5*	*9.4*	*-23.0*	*-30.8*	*-28.1*
Terimaan balik pinjaman	0.6	1.0	0.1	0.4	0.8
Imbangan keseluruhan	**-1.8**	**-20.9**	**-1.5**	**-8.8**	**-18.4**
% daripada KDNK	***-1.7***	***-5.3***	***-1.3***	***-7.5***	***-4.1***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	36.8	114.6	26.2	44.4	118.6
% perubahan	*-2.5*	*9.5*	*1.0*	*20.9*	*3.5*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	188.8	188.8	204.4	216.5	216.5
% daripada KDNK	*47.9*	*47.9*	*45.7*	*48.5*	*48.4*
Dalam Negeri	151.5	151.5	169.5	182.0	182.0
% daripada KDNK	*38.4*	*38.4*	*37.9*	*40.7*	*40.7*
Luar Negeri	37.3	37.3	34.9	34.5	34.5
% daripada KDNK	*9.5*	*9.5*	*7.8*	*7.7*	*7.7*

a Awalan

Kewangan Kerajaan Persekutuan [a]



rendah dan mencakupi 17.5% daripada jumlah hutang luar negeri atau 7.7% daripada KDNK. Berdasarkan data awalan, defisit fiskal mencatat 4.1% daripada KDNK pada tahun 2004.

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Dasar monetari terus menyokong pertumbuhan ekonomi

Pada suku keempat, penunjuk monetari dan kewangan terus mencerminkan perkembangan aktiviti ekonomi asas yang semakin kukuh. Dalam persekitaran inflasi yang rendah, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikekalkan pada paras 2.70%. Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 2.65% - 2.73%, iaitu berpurata 2.65% bagi tempoh 1 Oktober 2004 - 25 Januari 2005. Dalam keadaan kadar faedah yang rendah dan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan, pembiayaan aktiviti ekonomi melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat dengan ketara pada suku keempat.

Terdapat dua lagi penggabungan antara bank perdagangan dengan syarikat

Purata Wajaran Harian Kadar Antara Bank Semalaman



Operasi Mudah Tunai BNM
(Pada suku tahunan, RM bilion)



Kadar Pemberian Pinjaman
Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan
(purata bagi bulan)



Kadar Faedah

	S4 03	S3 04	S4 04
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar campur tangan 3-bulan *	4.50		
Kadar dasar Semalamam (OPR)*		2.70	2.70
Kadar antara bank			
Semalamam	2.71	2.69	2.69
1 bulan	2.99	2.79	2.77
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.00	5.98	5.98
Syarikat kewangan	6.90	6.90	6.90
Purata kadar pinjaman			
Bank perdagangan	6.11	6.01	5.98
Syarikat kewangan	9.11	8.76	8.78
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.00	3.00	3.00
12 bulan	3.70	3.70	3.70
Syarikat kewangan			
3 bulan	3.00	3.00	3.00
12 bulan	3.70	3.70	3.70

* Berkuat kuasa 26 April 2004, Kadar Dasar Semalaman (KDS) menggantikan kadar campur tangan 3-bulan sebagai penunjuk teras dasar monetari.

kewangannya sendiri pada suku keempat (tiga penggabungan pada S3 2004), menyebabkan berlaku pelarasan teknikal pada kadar pemberian pinjaman asas (BLR) dan kadar pemberian pinjaman purata (ALR) bagi bank-bank. Walaupun berlaku pelarasan, purata BLR bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal stabil masing-masing pada paras 5.98% dan 6.90% pada akhir Disember 2004. Meskipun ALR bagi bank perdagangan menurun sedikit ke paras 5.98%, pelarasan teknikal ini menyebabkan ALR bagi syarikat kewangan meningkat sedikit daripada 8.76% kepada 8.78% pada akhir Disember.

Pembiayaan sektor swasta kekal kukuh

Pengembangan yang berterusan dalam pelaburan swasta dan penggunaan swasta dicerminkan oleh peningkatan yang berterusan dalam pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal. Pada suku keempat, pembiayaan yang dikeluarkan atau diperoleh berjumlah RM142.6 bilion (S3: RM133.6 bilion), iaitu mewakili peningkatan tahunan sebanyak 6.7%. Peningkatan ini mencerminkan terutamanya pengeluaran pinjaman bank yang ketara lebih tinggi pada suku keempat. Begitu juga pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat sebanyak 9% pada akhir bulan Disember (8% pada akhir bulan September) disebabkan terutamanya oleh pinjaman terkumpul yang lebih tinggi, yang berkembang

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan Dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2003	S4 03	S3 04	S4 04	2003	S3 04	S4 04
Jumlah pembiayaan kasar	492.1	133.6	133.6	142.6	9.0	7.5	6.7
Pengeluaran pinjaman*	441.6	120.7	122.6	130.8	7.3	5.8	8.3
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	42.8	8.3	9.3	9.5	60.5	45.5	14.7
Ekuiti	7.8	4.6	1.7	2.3	-41.5	-18.0	-49.3
Jumlah terkumpul pembiayaan (A)+(B)	57.8	11.1	14.5	18.4	10.3	8.0	9.0
Sistem perbankan	28.2	4.6	11.0	11.0	5.9	6.5	7.7
Baki pinjaman (A)	21.6	1.3	9.3	12.1	4.8	6.2	8.5
Pegangan PDS	6.6	3.2	1.7	-1.1	23.9	10.9	-2.7
PDS terkumpul (B)	36.2	9.7	5.2	6.3	33.4	14.0	10.7
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	51.0	10.5	12.7	10.1	40.8	25.1	-3.9

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Baki pinjaman
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2003	S4 03	S3 04	S4 04		
	RM bilion				%	
Perusahaan perniagaan	303.4	84.3	83.4	90.8	69.5	*42.6*
Syarikat besar	*216.3*	*59.4*	*58.7*	*63.7*	*48.7*	*25.4*
PKS	*87.1*	*24.9*	*24.8*	*27.2*	*20.8*	*17.2*
Isi rumah	114.4	30.4	34.0	34.0	26.0	*51.4*
Mengikut Sektor						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	11.1	3.0	3.5	3.4	2.6	*2.1*
Perlombongan dan kuari	1.7	0.5	0.4	0.7	0.5	*0.2*
Perkilangan	110.3	28.4	31.2	32.5	24.8	*12.3*
Sektor harta benda yang luas	78.9	21.6	22.9	23.2	17.7	*40.9*
Pembinaan	*27.5*	*7.2*	*7.6*	*8.5*	*6.5*	*5.8*
Pembelian rumah kediaman	*35.6*	*9.7*	*10.4*	*9.3*	*7.1*	*26.3*
Pembelian harta tanah bukan kediaman	*9.7*	*2.7*	*3.2*	*3.3*	*2.5*	*6.1*
Harta tanah	*6.1*	*1.9*	*1.8*	*2.1*	*1.6*	*2.7*
Bekalan elektrik, gas dan air	6.0	1.0	1.2	2.2	1.7	*0.8*
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	70.1	19.3	21.5	24.0	18.3	*8.4*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	12.0	2.4	1.7	2.6	2.0	1.9
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	36.7	14.7	8.5	8.6	6.6	5.9
Jumlah	**441.6**	**120.7**	**122.6**	**130.8**	**100.0**	**100.0**

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2003	S4 03	S3 04	S4 04	2003	S4 03	S3 04	S4 04
Jumlah								
Permohonan pinjaman	227.6	55.7	76.5	67.8	4.8	6.7	21.9	21.6
Kelulusan pinjaman	152.8	38.9	46.6	43.2	11.1	16.9	16.1	10.9
Pengeluaran pinjaman	441.6	120.7	122.6	130.8	7.3	14.2	5.8	8.3
Bayaran balik pinjaman	430.4	122.9	118.2	120.7	6.9	17.4	7.5	-1.8
Perubahan baki pinjaman *	21.6	1.3	9.3	12.1	4.8	4.8	6.2	8.5
Diantaranya:								
Perusahaan perniagaan								
Permohonan pinjaman	124.9	28.6	44.0	37.4	-7.7	-9.4	29.4	31.0
Kelulusan pinjaman	77.3	18.9	22.4	21.7	12.8	14.0	10.1	14.8
Pengeluaran pinjaman	303.4	84.3	83.4	90.8	7.6	16.1	5.0	7.8
Bayaran balik pinjaman	299.5	86.9	83.7	84.5	8.6	22.1	8.7	-2.7
Perubahan baki pinjaman *	-5.2	-4.9	-0.4	1.1	-2.4	-2.4	-0.2	2.6
PKS								
Permohonan pinjaman	44.5	9.8	15.2	13.9	-8.6	n.a.	25.3	41.3
Kelulusan pinjaman	25.9	6.7	8.8	8.7	-15.6	n.a.	33.5	30.4
Pengeluaran pinjaman	87.1	24.9	24.8	27.2	76.0	n.a.	12.8	9.1
Perubahan baki pinjaman *	7.4	2.4	2.2	2.2	10.0	10.0	8.1	7.7
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	80.4	18.7	28.8	23.5	n.a.	n.a.	31.6	25.5
Kelulusan pinjaman	51.4	12.2	13.7	12.9	n.a.	n.a.	-1.0	6.2
Pengeluaran pinjaman	216.3	59.4	58.7	63.7	-7.0	n.a.	2.0	7.2
Perubahan baki pinjaman *	-12.7	-7.3	-2.6	-1.1	-8.8	-8.8	-4.9	-0.5
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	98.4	25.4	31.5	29.3	20.2	26.6	12.3	15.0
Kelulusan pinjaman	72.0	18.7	23.4	21.3	7.6	13.3	21.8	14.1
Pengeluaran pinjaman	114.4	30.4	34.0	34.0	8.9	12.4	11.2	12.0
Bayaran balik pinjaman	94.1	26.2	26.7	27.9	12.4	20.6	12.3	6.2
Perubahan baki pinjaman *	26.2	7.4	10.4	8.9	12.8	12.8	14.2	14.4

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh

Sumber: Bank Negara Malaysia

sebanyak 8.5% pada akhir bulan Disember (6.2% pada akhir bulan September).

Pada suku keempat, kadar pertumbuhan kesemua penunjuk utama pinjaman kekal pada paras yang tinggi. Pengeluaran pinjaman lebih tinggi dengan ketara pada paras RM130.8 bilion pada suku keempat (S3: RM122.6 bilion). Pengeluaran pinjaman ini disalurkan terutamanya kepada sektor perniagaan, termasuk peniagaan besar dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), sementara pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah kekal pada paras yang tinggi. Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan meningkat sebanyak 7.8% pada suku keempat (S3: 5%) dan terus disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan (35.7% daripada jumlah pengeluaran kepada sektor perniagaan); sektor perniagaan borong, runcit, restoran dan hotel (26.4%); dan sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan (9.4%). Permintaan yang lebih tinggi terhadap pembiayaan oleh sektor perniagaan juga dicerminkan oleh permohonan dan kelulusan pinjaman dengan mencatat kadar pertumbuhan dua angka yang lebih tinggi iaitu masing-masing sebanyak

31.0% dan 14.8% pada suku keempat (S3: masing-masing 29.4% dan 10.1%). Satu perkembangan yang ketara ialah pinjaman terkumpul sektor perniagaan bertukar arah dan mencatat pertumbuhan positif sebanyak 2.6% pada akhir bulan Disember (-0.2% pada akhir bulan September). Satu lagi perkembangan positif ialah nisbah hutang tak berbayar kasar sektor ini terus menurun dan berada pada 13.6% pada akhir bulan Disember (14.8% pada akhir bulan September).

Pinjaman bank kepada sektor PKS kekal pada paras yang tinggi. Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor ini meningkat sebanyak 9.1% pada suku keempat (S3: 12.8%) dengan menyumbang kepada pertumbuhan pinjaman terkumpul sektor PKS sebanyak 7.7% pada akhir bulan Disember (8.1% pada akhir bulan September). Sejumlah RM8.7 bilion telah diluluskan kepada 25,918 akaun PKS pada suku keempat (S3: RM8.8 bilion diluluskan kepada 25,379 akaun PKS).

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Pembiayaan kepada sektor isi rumah turut kekal kukuh. Pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah berjumlah RM34 bilion pada suku keempat, iaitu pertumbuhan tahunan sebanyak 12%, dan disokong oleh pinjaman kad kredit (29.7% daripada jumlah pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah), pembelian harta kediaman (27.3%) dan pembelian kenderaan penumpang (24.3%). Pengeluaran pinjaman yang tinggi untuk perbelanjaan mengguna kad kredit telah diimbangi oleh pembayaran balik pinjaman untuk pembelian melalui kad kredit yang turut berada pada paras yang tinggi (35.1% daripada jumlah pembayaran balik pinjaman oleh sektor isi rumah). Oleh itu, pinjaman terkumpul kad kredit kekal rendah dan hanya merangkumi 2.8% daripada jumlah pinjaman terkumpul dan 5.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul sektor isi rumah. Sementara itu, permohonan dan kelulusan pinjaman masing-masing terus meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 15% dan 14.1% pada suku keempat (S3: masing-masing 12.3% dan 21.8%) mencerminkan permintaan terhadap pembiayaan bank oleh sektor isi rumah yang mapan. Begitu juga dengan pertumbuhan pinjaman terkumpul sektor ini yang kekal tinggi pada 14.4% pada akhir bulan Disember (14.2% pada akhir bulan September). Nisbah pinjaman tidak berbayar sektor ini kekal stabil pada 7.2% pada akhir bulan Disember (7.4% pada akhir bulan September).

Pertumbuhan penawaran wang selari dengan perkembangan ekonomi yang berterusan

Pertumbuhan agregat monetari pada suku keempat mencerminkan pengembangan ekonomi yang berterusan. Pertumbuhan wang secara kecil, M1, meningkat pada kadar 11.9% (S3 2004: 14.9%) mencerminkan perbelanjaan

Agregat Monetari



Faktor Penentu M3

	Perubahan pada tempoh					
	Tahun	Suku Tahunan				Tahun
	2003	S1 04	S2 04	S3 04	S4 04	2004
	RM bilion					
M3	48.5	18.9	9.9	13.6	25.7	68.0
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	12.9	-6.0	-2.0	-2.7	-1.2	-11.8
Tuntutan ke atas sektor swasta	31.3	3.7	12.2	10.3	4.0	30.3
Operasi luar bersih *	20.7	33.3	6.0	12.0	30.8	82.2
Pengaruh lain	-16.5	-12.2	-6.4	-6.0	-8.0	-32.7

* Sebelum penilaian semula

pengguna dan perniagaan yang mapan yang serentak dengan musim percutian. Sementara itu, wang secara meluas, M3 terus meningkat pada kadar 12.4% (S3 2004: 10.6%). Ini disebabkan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor swasta oleh sistem perbankan, lebihan akaun semasa dan aliran masuk modal.

Pasaran modal kekal sebagai sumber utama pembiayaan

Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal kekal tinggi sebanyak RM15.6 bilion pada suku keempat (S3 2004: RM16.9 bilion), disebabkan terutamanya jumlah dana yang lebih tinggi diperoleh dalam pasaran bon. Kadar hasil yang rendah dalam pasaran bon menggalakkan sektor swasta untuk membiayai semula hutang (43.7% daripada terbitan baru) serta memperoleh dana untuk aktiviti baru (40.3% daripada terbitan baru) bagi mendapatkan kos pembiayaan yang lebih rendah. Terbitan baru sekuriti hutang swasta terus membuktikan aktiviti pelaburan swasta yang lebih tinggi dalam ekonomi dalam negeri, dengan terbitan bagi tujuan aktiviti baru kekal tinggi sebanyak RM3.8 bilion (S3 2004: RM4.5 bilion). Di samping itu, pada suku keempat, bilangan penyenaraian korporat baru dalam pasaran ekuiti merupakan yang paling tinggi.

Dalam pasaran sekuriti hutang swasta, terbitan baru kasar kekal tinggi, berjumlah RM10.1 bilion (S3 2004: RM12.7 bilion). Pada suku keempat, sebanyak 30 syarikat, terutamanya dalam sektor pembinaan dan utiliti menerbitkan sekuriti hutang swasta. Dari segi instrumen, terbitan sekuriti hutang Islam dan nota jangka sederhana lebih diminati, masing-masing mencakupi 27.1% dan 25% daripada keseluruhan jumlah terbitan. Setelah ditolak penebusan, dana yang diperoleh melalui pasaran hutang sekuriti swasta berjumlah RM5.6 bilion (S3 2004: RM5.9 bilion).

Dengan peningkatan yang berterusan dalam pasaran ekuiti, dana yang lebih banyak berjumlah RM2.3 bilion (S3 2004: RM1.7 bilion) berjaya diperoleh. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.0 bilion diperoleh daripada 24 tawaran awam awal. Terdapat 24 penyenaraian baru di Bursa Malaysia, termasuk tujuh penyenaraian di Papan Utama, enam di Papan Kedua dan 11 di Pasaran MESDAQ pada suku keempat.

Sementara itu, dana kasar yang diperoleh oleh sektor awam adalah lebih rendah iaitu RM8.8 bilion (S3 2004: RM12.6 bilion), disebabkan oleh terbitan sekuriti Kerajaan yang lebih kecil pada suku tersebut. Setelah mengambil kira penebusan sebanyak RM1 bilion, dana bersih yang diperoleh oleh sektor awam berjumlah RM7.7 bilion (S3 2004: RM9.4 bilion).

Perkembangan penting dalam pasaran bon ringgit utama pada suku keempat ialah terbitan ulung Bon Putra Bank Pembangunan Asia (ADB) dan Bon Wawasan Perbadanan Kewangan Antarabangsa, serta pengenalan Sekuriti Bersandarkan Gadaijanji Kediaman (RMBS) oleh Cagamas MBS Berhad (CMBS). Pengenalan kelas aset baru melebarkan lagi pasaran bon.

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2003		2004	
	S3	S4	S3	S4
	RM juta			
Oleh Sektor Awam				
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	12,632	2,768	10,389	7,021
Tolak Penebusan	6,800	-	2,000	1,000
Tolak Milikan Kerajaan	-	-	-	-
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	5,832	2,768	8,389	6,021
Bon Khazanah, *bersih*	-183	-210	-198	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	-	-	740	1,243
Bon Simpanan Malaysia, *bersih*	-2	-2	495	436
Dana Bersih yang Diperoleh	5,647	2,556	9,426	7,700
Oleh Sektor Swasta				
Saham	2,028	4,573	1,663	2,316
Sekuriti hutang	10,165	10,493	12,718	10,083
Sekuriti Hutang Swasta	6,370	8,268	9,268	9,483
Cagamas	3,795	2,225	3,450	600
Tolak Penebusan	4,472	16,873	6,865	4,463
Terbitan Bersih	5,694	-6,380	5,853	5,620
Terbitan Bersih (*tidak termasuk Cagamas*)	3,754	-8,605	4,925	5,494
Dana Bersih yang Diperoleh	7,722	-1,807	7,516	7,936
Jumlah Dana Bersih yang Diperoleh	13,368	749	16,942	15,636
Kertas dan nota jangka-pendek, *bersih* [1]	-85	-884	-623	-1,103
Jumlah	13,283	-135	16,319	14,533

[1] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.

Terbitan PDS mengikut Tujuan Penggunaan
(% daripada jumlah)



Indeks Komposit (KLCI) melepasi paras 900 mata

Kebimbangan mengenai kesan daripada kenaikan harga minyak mentah telah menjejaskan prestasi pasaran ekuiti pada bulan Oktober. Walau bagaimanapun, prestasi pasaran pulih selepas itu, berikutan harga minyak menjadi lebih stabil serta peningkatan penarafan berdaulat Malaysia oleh Fitch. KLCI melepasi paras 900 mata pada 2 Disember kepada 919.97 mata, iaitu paras tertinggi dalam tempoh empat tahun setengah.

Pada suku keempat, KLCI menokok 57.47 mata untuk mengakhiri tahun 2004

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada Suku Keempat 2004



Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2003				2004			
	S3		S4		S3		S4	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	41,877	62,274	40,144	71,970	22,031	42,852	27,364	51,771
Antaranya:								
Papan Utama	27,849	46,225	27,495	51,391	15,494	36,763	20,186	45,129
Antaranya:								
- Barangan Pengguna	857	2,768	944	3,086	1,154	3,149	899	2,924
- Barangan Perusahaan	3,911	5,406	3,735	5,369	2,031	2,719	4,036	4,978
- Pembinaan	2,088	3,967	2,177	5,415	1,096	1,706	1,070	1,922
- Perdagangan/Perkhidmatan	5,993	14,829	6,118	16,632	4,296	13,729	5,500	16,991
- Kewangan	3,497	8,471	3,468	9,065	2,008	7,838	1,958	8,090
- Harta benda	5,215	4,567	5,138	5,446	2,230	3,560	3,205	5,468
- Perladangan	675	1,815	638	1,981	383	2,127	771	2,171
- Perlombongan	42	67	36	102	0	4	-	1
Papan Kedua	8,069	12,103	10,100	18,229	4,014	4,130	4,227	4,102

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir suku tahun			
	2003		2004	
	S3	S4	S3	S4
Indeks Harga				
- Komposit	733.45	793.94	849.96	907.43
- EMAS	182.03	195.57	202.35	214.26
- Papan Kedua	122.03	140.64	108.95	110.87
Purata urus niaga harian				
- Jumlah (juta unit)	644.26	658.10	338.93	441.36
- Nilai (RM juta)	958.06	1,179.83	681.55	835.02
Permodalan Pasaran (RM b)	572.26	640.28	672.64	722.04
Bil. syarikat yg disenaraikan	889	906	945	962

Sumber: Bursa Malaysia

pada 907.43 (+6.8% sejak akhir suku ketiga dan +14.3% sejak akhir tahun 2003). Permodalan pasaran bertambah kepada RM722.04 bilion (akhir-S3: RM672.64 bilion) dan urus niaga harian purata adalah lebih tinggi pada suku keempat iaitu pada 441.36 juta unit.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon menurun

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder menurun kepada RM91.7 bilion pada suku keempat (S3 2004: RM111.6 bilion). Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) mencakupi 67.6% daripada jumlah dagangan, sementara bon Cagamas dan bon Khazanah menyumbang 11.3%. Dari segi mudah tunai, GII dan MGS merupakan kertas yang paling cair, masing-

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



masing mencatat nisbah mudah tunai sebanyak 1.06 dan 0.35.

Kadar hasil penanda aras MGS merosot dengan ketara pada suku keempat. Kemerosotan tersebut yang pada mulanya disebabkan oleh permintaan yang tinggi terhadap sekuriti berpendapatan tetap berikutan kebimbangan mengenai impak kenaikan harga minyak mentah ke atas pertumbuhan ekonomi global, kemudian disebabkan pula oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap sekuriti ringgit oleh pelabur bukan pemastautin. Minat bukan pemastautin terhadap Sekuriti Malaysia bertambah berikutan pengecualian cukai pegangan ke atas pendapatan faedah yang diperoleh oleh bukan pemastautin ke atas pegangan sekuriti dan debentur Islam yang diterbitkan dalam denominasi ringgit. Namun, pengecualian tersebut tidak merangkumi stok pinjaman boleh tukar, yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan sekuriti yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia. Aliran masuk modal jangka pendek juga menjana permintaan terhadap sekuriti-sekuriti tersebut. Hasilnya, kadar hasil penanda aras MGS 3 dan 5 tahun masing-masing menguncup sebanyak 54 dan 44 mata asas pada suku keempat. Mencerminkan pergerakan kadar hasil MGS, kadar hasil bon korporat berganjak ke bawah. Kertas kategori AA merekodkan kejatuhan paling besar.

Trend Kadar Hasil MGS



Prestasi ringgit

Selaras dengan perkembangan yang mempengaruhi dolar AS, ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama berikutan kebimbangan berterusan mengenai defisit akaun semasa dan belanjawan negara AS yang semakin besar. Dolar pulih sedikit berikutan langkah Federal Reserve AS menaikkan kadar Fed funds sebanyak 0.25 mata peratusan pada 14 Disember. Namun begitu, dolar mencecah paras yang paling rendah iaitu AS$1.3619 berbanding dengan euro pada 30 Disember, AS$1.9455 berbanding dengan paun sterling pada 21 Disember, iaitu paras yang paling rendah dalam tempoh 14 tahun dan 102.105 berbanding dengan yen pada 6 Disember, iaitu paras yang paling rendah dalam tempoh 5 tahun.

Susut nilai ringgit berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau mencerminkan terutamanya dolar yang lebih lemah, prestasi eksport serantau dan perkembangan positif serantau yang lain, serta aliran masuk modal spekulasi. Won Korea mencatat kenaikan nilai yang paling ketara berbanding dengan ringgit ekoran pembawaan pulang pendapatan eksport dan kemasukan modal yang lebih tinggi. Ringgit meningkat nilai berbanding dengan rupiah Indonesia ekoran faktor khusus negara

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang terpilih
Peratus Pertukaran (1 Oktober - 31 Disember 2004)



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Serantau



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Utama



tersebut yang telah meningkatkan permintaan terhadap dolar dan menyebabkan rupiah semakin lemah.

Susut nilai dolar AS berbanding dengan euro dan yen serta spekulasi mengenai kemungkinan penyelarasan terhadap rejim kadar pertukaran yuan, telah menimbulkan kembali spekulasi bahawa polisi kadar pertukaran tetap ringgit akan dikaji semula. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia mengekalkan pendiriannya bahawa kajian

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	30 Jun 97	02 Sep 98	S3 04	S4 04	30 Jun 97	02 Sep 98	S3 04
Dolar AS	2.5235	3.8001	3.8000	3.8000	33.6	0.0	0.0
Euro	-	-	4.6826	5.1729	-	-	-9.5
Paun sterling	4.1989	6.3708	6.8347	7.3169	-42.6	-12.9	-6.6
100 yen Jepun	2.2088	2.7742	3.4264	3.7026	-40.3	-25.1	-7.5
Dolar Singapura	1.7647	2.1998	2.2475	2.3258	-24.1	-5.4	-3.4
100 baht Thai	9.7470	9.3713	9.1644	9.7636	-0.2	-4.0	-6.1
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	6.7517	6.7706	41.6	30.4	-0.3
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0414	0.0408	154.1	-13.3	1.4
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3295	0.3671	-22.6	-23.0	-10.2

* (+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

semula terhadap rejim kadar pertukaran tetap ringgit hanya akan dibuat sekiranya ringgit mengalami ketidakjajaran yang nyata dan berterusan, atau sekiranya asas-asas ekonomi menunjukkan bahawa kedudukan ekonomi negara akan menjadi lebih baik sekiranya terdapat satu sistem mata wang alternatif.

PERKEMBANGAN SISTEM PERBANKAN

Sistem perbankan terus mempamerkan daya tahan yang meningkat pada suku keempat, dengan mencatat tahap permodalan yang tinggi, keuntungan yang bertambah baik serta tahap pinjaman tidak berbayar yang paling rendah sejak krisis kewangan Asia.

Tahap permodalan sistem perbankan kekal tinggi

Walaupun mencatat penurunan kecil, nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) sistem perbankan kekal tinggi masing-masing pada tahap 13.8% dan 10.8%. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan aset berwajaran risiko (+RM12.6 bilion) yang mengatasi kenaikan dalam asas modal (+RM0.5 bilion). Peningkatan dalam asas modal adalah disebabkan terutamanya oleh potongan modal yang lebih rendah bagi pelaburan dalam anak-anak syarikat (-RM1.6 bilion) pasca penggabungan Bafin, sementara kenaikan aset berwajaran risiko adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam pemberian pinjaman.

Kedudukan Modal Kekal Kukuh

	2003		2004			
	S3	S4	S1	S2	S3	S4
Modal						
CCR (%)	10.9	11.1	11.0	11.7	11.4	10.8
RWCR (%)	13.4	13.8	13.7	14.3	13.9	13.8

Keuntungan semakin kukuh berikutan peningkatan dalam pendapatan

Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM3 bilion pada suku keempat, berbanding dengan RM2.8 bilion pada suku sebelumnya. Peningkatan keuntungan sebelum cukai sebanyak 6.1% didorong terutamanya oleh peningkatan dalam pendapatan pelaburan (+RM414.2 juta), pendapatan faedah bersih (+RM244 juta) dan pendapatan berasaskan fi (+RM177.7 juta). Dengan itu, pulangan tahunan ke atas purata aset dan ekuiti bagi sistem perbankan masing-masing meningkat kepada 1.4% dan 16.5% (S3 2004: 1.3% dan 15.5%).

NPL bertambah baik dengan ketara

Pinjaman tidak berbayar bersih (NPL) berdasarkan klasifikasi 6 bulan terus menurun kepada RM29 bilion, merupakan 5.9% daripada jumlah pinjaman bersih, iaitu tahap paling rendah semenjak krisis Asia (S3 2004: 6.1%). Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan juga

Sistem perbankan: Pinjaman tidak berbayar



menunjukkan penurunan yang ketara kepada RM37.5 bilion atau 7.6% daripada jumlah pinjaman bersih (S3 2004: 8.1%). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh pemulihan NPL yang lebih tinggi, pengelasan semula dan hapuskiraan.

Pelancaran Rasmi Ekspo Perbankan Islam dan Takaful "Mengekalkan Pertumbuhan Perbankan dan Kewangan Islam Melalui Penyebaran Maklumat Secara Berkesan"

8 Oktober 2004, PWTC, Kuala Lumpur

Ucapan oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

"Sistem kewangan Islam di Malaysia telah mencapai perkembangan yang sangat memberangsangkan dan berjaya beroperasi seiring dengan sistem kewangan konvensional. Pembangunan kewangan Islam selanjutnya memerlukan prasyarat yang sesuai supaya kewangan Islam mampu berfungsi sebagai pengantara kewangan yang berkesan, cekap dan berdaya tahan bagi menyokong penjanaan kekayaan dan pertumbuhan ekonomi yang mapan. Teras utama usaha ini ialah menepati keperluan kewangan pengguna dan perniagaan. Kemajuan pesat telah dicapai dalam pembangunan prasarana kewangan Islam secara keseluruhan, institusi kewangan dan produk, dan ini telah diperkuat oleh pengukuhan dalam aspek pengawalseliaan, Syariah dan perundangan. Namun begitu, penyebaran maklumat secara berkesan juga perlu. Ini adalah untuk memupuk kesedaran mengenai kewangan Islam yang lebih meluas ke seluruh negara dan melahirkan masyarakat yang lebih bermaklumat mengenai kebaikan serta faedah daripada perkhidmatan kewangan tersebut. Oleh itu, penyediaan maklumat dan pengetahuan adalah penting dalam usaha kita memacu pembangunan sistem kewangan Islam di Malaysia."

Saya bersyukur dapat bersama-sama anda semua di Majlis Pelancaran Ekspo Perbankan Islam dan Takaful 2004, anjuran Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM).

Industri kewangan Islam di Malaysia telah muncul sebagai satu komponen sistem kewangan yang berdaya maju dan berdaya saing, seiring dengan sistem kewangan konvensional, dan menyumbang kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Malaysia kini telah memiliki landskap kewangan Islam yang komprehensif, dan kejayaan mengintegrasikannya telah menyumbang kepada proses pengantaraan kewangan di negara ini yang lebih progresif. Kini, perbankan Islam telah berjaya menjana aset sebanyak RM90 bilion atau 10 peratus daripada juzuk pasaran, manakala industri takaful pula mencatat jumlah aset bernilai hampir RM5 bilion.

Bagi memperkukuh lagi sistem kewangan Islam dan mengekalkan pertumbuhannya, keberkesanan dan kecekapan institusi kewangan Islam perlu ditingkatkan demi memenuhi keperluan ekonomi yang sentiasa berubah. Prasarana

kewangan Islam perlu terus dipertingkatkan bagi memenuhi permintaan aktiviti baru yang lebih kompleks dan berbeza-beza daripada pelbagai sektor ekonomi. Satu mekanisme juga perlu disediakan bagi memastikan orang ramai mendapat akses kepada maklumat mengenai produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Oleh itu, program pendidikan yang menyeluruh dan teratur adalah penting bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pengguna dan peniaga mengenai produk dan perkhidmatan tersebut. Ia juga merupakan sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan kewibawaan pasaran. Di samping itu, usaha untuk mengukuhkan prasarana perlindungan kepada pengguna kewangan Islam adalah juga penting.

Penyebaran maklumat yang berkesan akan dapat memberikan maklumat yang perlu kepada pengguna dan peniaga dalam menjalankan urus niaga kewangan mereka dengan kesedaran akan hak dan tanggungjawab masing-masing. Pengguna memerlukan pelbagai maklumat dan keterangan terperinci mengenai proses dan dokumen yang diperlukan, caj dan fi berkaitan yang perlu dibayar serta risiko dan manfaat setiap produk atau perkhidmatan kewangan semasa membuat keputusan kewangan. Ini akan membolehkan pengguna mengetahui peluang-peluang yang ada, mengurus kedudukan kewangan dengan aktif dan pada masa yang sama, melindungi masa depan kewangan mereka. Di samping itu, saluran mudah untuk menyelesaikan pertikaian juga perlu disediakan. Apa yang penting ialah semua pihak yang terlibat dalam urus niaga kewangan Islam memahami dan menyedari sepenuhnya ciri-ciri unik perbankan dan kewangan Islam. Kefahaman yang jelas mengenai pengendalian urus niaga kewangan Islam akan menyumbang ke arah pelaksanaan kontrak kewangan Islam yang benar-benar mencerminkan prinsip Syariah.

Konsumerisme yang aktif dapat meningkatkan tahap kecekapan yang diingini dalam industri kewangan Islam. Bagi institusi kewangan Islam, memahami segmentasi pelanggan yang dinamik, menjalin hubungan dengan pelanggan serta memenuhi keperluan dan kehendak segmen tertentu adalah penting bukan sahaja bagi memperkukuh hubungan dengan pelanggan yang sedia ada bahkan juga untuk mendapatkan pelanggan baru. Ini seterusnya akan menyumbang kepada perkembangan dan kemapanan juzuk pasaran bagi aktiviti kewangan Islam. Asas untuk mencapai matlamat tumpuan pelanggan adalah dengan memastikan kesejajaran proses dan orientasi pekerja demi memenuhi kehendak pelanggan dan memberikan perkhidmatan yang unggul. Ini perlu disampaikan dengan berkesan, dikongsi dan difahami oleh semua peringkat pekerja, terutamanya mereka yang berurusan secara langsung dengan pelanggan. Oleh itu, adalah penting bagi pegawai institusi kewangan Islam menambah pengetahuan mereka tentang produk dan perkhidmatan yang ditawarkan serta orientasi perkhidmatan pelanggan.

Sungguhpun tahap kesedaran umum mengenai perbankan dan kewangan Islam semakin bertambah baik, banyak usaha lagi boleh dilakukan bagi menjangkaui populasi yang lebih luas, khususnya di pinggir dan di luar bandar. Prasarana yang sedia ada perlu

digunakan secara cekap bagi membolehkan penyebaran maklumat mengenai produk dan perkhidmatan kewangan Islam dibuat dengan lebih berkesan termasuk melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Maklumat boleh didapati dalam pelbagai bentuk dengan objektif untuk meningkatkan tahap kecelikan masyarakat mengenai kewangan Islam.

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi telah memberi kesan yang nyata pada operasi institusi kewangan Islam dari segi sistem pengurusan maklumat, pembangunan produk, pengurusan risiko dan keupayaan pengedaran. Penggunaan teknologi maklumat yang meluas boleh meningkatkan kecekapan dengan mengurangkan kos kepada pengguna dan peniaga.

Bank Negara Malaysia telah membangunkan laman web pasaran wang secara Islam sebagai salah satu daripada inisiatifnya untuk menyebarkan maklumat secara meluas dengan cekap dan berkesan. Secara khusus, laman web ini merupakan sumber maklumat instrumen kewangan Islam dalam negeri. Dengan adanya maklumat ini, operasi pasaran wang secara Islam yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia menjadi lebih telus dan ini memudahkan keputusan pelaburan dan meningkatkan keyakinan orang ramai mengenai pelaburan mereka. Laman web ini turut menyediakan kemudahan analisis bagi mencartakan data-data yang lalu selain menjadi sumber rujukan bagi peraturan-peraturan pengendalian urus niaga pasaran wang secara Islam. Dengan itu ia bertujuan untuk memenuhi keperluan maklumat pegawai bank, pembiaya, perangkawan, ahli ekonomi, penyelidik dan bakal pelabur secara yang lebih cekap, di samping meningkatkan kesedaran di kalangan pengguna domestik dan asing. Sebagai langkah seterusnya, laman web ini akan dihubungkaitkan dengan pasaran lain di luar negara untuk menjadikannya sebagai landasan pertukaran maklumat dan pengetahuan menjangkaui sempadan negara ini.

Ekspo Perbankan Islam dan Takaful merupakan satu lagi saluran untuk menghubungkan institusi kewangan Islam secara langsung dengan pelanggan. Sehubungan ini, saya menggesa institusi kewangan Islam mengambil kesempatan untuk memasarkan dan menawarkan produk dan perkhidmatan mengikut keperluan pelanggan. Saya difahamkan ekspo tahun ini turut disertai oleh beberapa buah negara asing. Sesungguhnya penyertaan negara-negara tersebut akan memberi kesan positif terhadap usaha-usaha kita untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam serantau.

Usaha kita adalah untuk membangunkan sebuah sistem kewangan Islam sebagai satu proses pengantaraan yang akan menyumbang secara berkesan ke arah memperkaya sumber ekonomi secara menyeluruh, menjana pertumbuhan dan pembangunan serta berkongsi kemewahan yang bertambah. Selaras dengan perkembangan terkini, institusi kewangan Islam perlu bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengambil peluang bagi memenuhi kehendak ekonomi yang sentiasa berubah. Prospek masa depan dan kejayaan

industri perkhidmatan kewangan Islam bergantung pada hasil gandingan usaha semua pihak yang terlibat iaitu pengawalselia, industri, peserta pasaran dan masyarakat. Sehubungan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada AIBIM atas usaha gigihnya untuk terus mempromosi dan mendidik orang ramai dengan menganjurkan Ekspo Perbankan Islam dan Takaful ini sebagai acara tahunan.

Pelancaran Rasmi
Persatuan Alumni ICLIF dan Model Kompetensi Kepimpinan ICLIF

30 November 2004, Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur

Ucapan oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Persatuan Alumni ICLIF

Pada 28 Oktober 2003, hanya kira-kira setahun yang lalu, kita telah menyaksikan pelancaran Pusat Antarabangsa untuk Kepimpinan dalam Kewangan (ICLIF) secara rasmi. Dalam tempoh yang singkat itu, ICLIF telah banyak mencapai kemajuan dalam usaha untuk menyediakan pendekatan yang lebih fokus serta bersepadu ke arah pembangunan pemimpin-pemimpin bertaraf dunia dalam sektor perkhidmatan kewangan di Malaysia dan di rantau ini.

Sehinga hari ini, ICLIF telah berjaya mengendalikan dua sesi program perdananya, iaitu Program Pembangunan Kepimpinan Global dan Forum Pengarah dan juga satu seminar mengenai Perancangan Senario. Di samping menyediakan peluang kepada para peserta untuk menimba kepakaran daripada para "pemikir terulung" dari institusi-institusi terkenal di dunia serta para pengamal dan pakar industri, salah satu kelebihan program ICLIF ialah wujudnya peluang-peluang yang unik kepada para peserta untuk membina rangkaian hubungan sosial dan profesional yang kukuh serta memupuk hubungan persahabatan yang berkekalan sesama mereka. Pelancaran Persatuan Alumni ICLIF ini bertujuan untuk mencapai hasrat tersebut. Oleh itu, semua peserta, anggota fakulti dan pemudah cara program ICLIF akan diterima secara automatik sebagai ahli Persatuan Alumni. Dengan perubahan pesat yang sedang berlaku dalam sektor kewangan dan korporat di negara ini serta integrasi yang semakin meluas di rantau ini dan di dunia, rangkaian hubungan yang akrab di kalangan para pemimpin dan ketua industri amat tinggi nilainya dalam memupuk persefahaman yang lebih mendalam serta meningkatkan potensi kerjasama demi untuk kepentingan bersama.

Penubuhan Persatuan Alumni adalah antara komitmen ICLIF untuk menyediakan wadah bagi para ahlinya mengekalkan rangkaian hubungan yang aktif serta kerjasama yang produktif dan bermanfaat. Langkah ini juga selaras dengan falsafah kami bahawa pembangunan kepimpinan ialah satu perjalanan yang berterusan. Justeru, Persatuan Alumni akan menyediakan forum untuk berkongsi ilmu secara berterusan di kalangan ahli-ahlinya. Para ahli juga akan menerima undangan untuk semua program dan aktiviti yang akan dianjurkan oleh ICLIF pada masa akan datang.

Oleh sebab ahli-ahli Alumni berada di merata-rata negara di rantau ini, ICLIF akan menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi untuk membolehkan mereka berhubung antara satu sama lain. Untuk tujuan ini, satu ruangan khas telah diwujudkan di laman web ICLIF khusus untuk menyebarkan berita mengenai aktiviti Persatuan Alumni. Ini termasuk kemudahan menyebarkan maklumat di kalangan ahlinya seperti menerbitkan direktori alumni, memuatkan berita mengenai acara-acara anjuran ICLIF serta perkembangan terkini yang mungkin menarik minat ahli. ICLIF akan berperanan sebagai urus setia untuk menyokong semua aktiviti yang dijalankan oleh Persatuan Alumni.

Sambil kita melangkah ke hadapan, reputasi, imej dan martabat ICLIF akan bergantung pada prestasi dan sumbangan para peserta programnya kepada persekitaran dan organisasi yang mereka wakili. ICLIF memandang tinggi terhadap ahli-ahli alumninya dan mengharapkan sokongan yang berterusan dalam usaha untuk membina ICLIF sebagai sebuah pusat kecemerlangan pembangunan kepimpinan dalam perkhidmatan kewangan.

Walaupun ICLIF telah berusaha dengan gigih bersama-sama pakar perunding antarabangsa yang tersohor dan pusat-pusat pengajian terbaik dalam mereka bentuk dan mengendalikan program-program pembangunan kepimpinannya, kami melihat usaha ini sebagai satu proses yang berterusan. Dalam konteks ini, kami menganggap ahli-ahli alumni sebagai pihak yang penting untuk memberi maklum balas demi memastikan program-program ICLIF lebih relevan dan berkesan. Sebagai pihak yang telah mendapat manfaat daripada program-program ICLIF, ahli-ahli alumni merupakan perantaraan terbaik dalam usaha memperkenalkan ICLIF kepada industri.

Model Kompetensi Kepimpinan ICLIF

Salah satu usaha awal yang dijalankan oleh ICLIF sejurus selepas penubuhannya adalah untuk membangunkan satu model kompetensi kepimpinan yang unik sebagai alat untuk menganalisis dan meningkatkan kefahaman tentang sifat-sifat kecemerlangan yang dimiliki para pemimpin korporat dalam konteks serantau. Model Kompetensi ini telah dibentuk melalui proses penyertaan para pemimpin industri dalam negara dan serantau. Mereka telah memberi pandangan dan pendapat yang strategik melalui temu duga berdasarkan peristiwa dan tingkah laku. Pada masa yang sama, model ini juga telah ditanda aras berdasarkan penyelidikan literatur dan pangkalan data model-model kompetensi kepimpinan syarikat-syarikat bertaraf dunia.

Seterusnya, model awal kompetensi kepimpinan ini telah diperkemas dalam satu Seminar Pengesahan yang dihadiri oleh pemimpin sektor awam dan swasta yang terkemuka dan berwawasan. Mereka merupakan tokoh-tokoh yang mempunyai rekod pencapaian yang diakui cemerlang dalam bidang masing-masing. Model ini digunakan sebagai asas untuk menetapkan falsafah serta mendorong kepada reka bentuk dan pengendalian program-program pembangunan kepimpinan ICLIF. Saya ingin

mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kami kepada tokoh-tokoh industri yang sanggup meluangkan masa untuk menyertai seminar pengesahan bagi Model Kompetensi Kepimpinan ICLIF itu.

Izinkan saya berkongsi maklumat yang agak menarik tentang penemuan-penemuan hasil daripada penilaian ke atas pemimpin industri kita yang telah dijalankan oleh perunding dengan menggunakan kompetensi-kompetensi yang dikenal pasti dalam model itu.

Antara penemuan positif daripada latihan tersebut ialah pemerhatian oleh pakar-pakar perunding bahawa ramai di kalangan pemimpin yang ditemu duga telah memperlihatkan kekuatan kompetensi dalam bidang tumpuan, dorongan, pelaksanaan, perundingan (dan membuat urus janji) dan dorongan keusahawanan. Kesemua kompetensi ini adalah hasil daripada keperluan pencapaian dan nilai-nilai pencapaian yang tinggi. Terdapat juga perasaan yang amat bangga terhadap negara dan keazaman mereka yang tinggi untuk membolehkan Malaysia mengharungi cabaran Wawasan 2020. Para peserta juga telah memperlihatkan prestasi yang tinggi untuk mencapai kecemerlangan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa bidang kompetensi yang perlu dipertingkatkan. Kajian juga mendapati terdapat sedikit 'sikap mudah berpuas hati' terhadap prestasi di kalangan beberapa responden. Ini dicerminkan oleh dorongan yang rendah untuk mencapai kejayaan dan kurangnya keinginan untuk mencapai kejayaan dan kurangnya keinginan untuk menanda aras diri dengan pemimpin terbaik dunia. Peserta-peserta yang berkenaan kelihatan cukup berpuas hati dengan pencapaian peribadi mereka.

Dalam kajian untuk mengenal pasti punca kegagalan usaha sama antara syarikat multinasional dengan firma-firma tempatan, salah satu punca utama yang disebut ialah salah penjajaran cita-cita antara syarikat multinasional global dengan rakan kongsi tempatan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa walaupun syarikat multinasional global amat agresif dalam mengejar pertumbuhan dan cita-cita kerana desakan pihak pemegang saham dan dorongan para pengurus profesionalnya, minat rakan kongsi tempatan dalam mengejar cita-cita mereka telah reda disebabkan kemungkinan mereka sudah mencapai sasaran peribadi sebagai pengurus profesional.

Satu lagi kelemahan adalah dari segi tenaga kognitif seperti yang dicerminkan melalui kurangnya minat dalam memberi tumpuan pada proses pemikiran dan kurangnya usaha untuk mempertingkatkan disiplin mental ketika isu-isu menjadi bertambah kompleks.

Satu lagi isu penting adalah dalam bidang Pengurusan Bakat. Walaupun para pemimpin yang ditemu duga mengakui bahawa kepimpinan dan pengurusan bakat adalah penting, namun ini hampir tidak atau tidak langsung terbukti melalui tindakan mereka dalam bidang yang penting ini. Di samping itu, satu sistem penilaian yang konstruktif, jujur dan jelas perlu diadakan untuk

mengukur keupayaan dan potensi pegawai-pegawai bawahan yang mungkin satu hari nanti akan mengambil alih tampuk kepimpinan dalam organisasi mereka. Maklum balas seumpama ini adalah penting untuk membangunkan modal intelek dan keupayaan pengurusan pegawai-pegawai kanan dalam menggerakkan hala tuju strategik dan kecemerlangan operasi dalam industri bagi membuka jalan ke arah pembangunan pemimpin-pemimpin masa depan dalam industri.

Pemerhatian dan pandangan serta pendapat tersebut telah menunjukkan betapa pentingnya kompetensi kepimpinan dalam memperjelas gabungan kemahiran, sifat dan tingkah laku yang perlu ada pada para pemimpin untuk berjaya dan berprestasi tinggi dalam mengendalikan kerja mereka. Kami berharap Model Kompetensi Kepimpinan ICLIF akan sentiasa menjadi sumber rujukan, inspirasi dan pendorong kepada para pemimpin kita dalam membina satu budaya organisasi yang dinamik dan untuk menghadapi cabaran-cabaran masa depan.

Untuk memantapkan kedudukan kita dalam persekitaran yang lebih mencabar iaitu yang lebih bersifat global, lebih berintegrasi, lebih bersaingan dan lebih kompleks, kita perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam mengukuhkan organisasi kita sendiri, kita perlu melengkapkan diri untuk menghadapi tempoh-tempoh yang sukar, kita juga perlu menyumbang kepada pembangunan pasaran dan infrastruktur kewangan yang menjadi medan kita jalankan operasi, dan akhir sekali kita perlu melabur untuk membangunkan tenaga kerja kita serta mengasah kemahiran mereka untuk meningkatkan keupayaan organisasi yang akan membawa kemajuan demi keberkesanan institusi kita masing-masing. Kepimpinan adalah bahagian yang penting dalam proses ini. Justeru, kami berharap pelaburan kami dalam ICLIF akan sedikit sebanyak menyumbang ke arah mencapai sasaran-sasaran ini.

Pelancaran Biro Pengantaraan Kewangan

Auditorium, Bank Negara Malaysia
20 Januari 2005, Kuala Lumpur

Ucapan oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Landskap kewangan Malaysia sentiasa diubah dari semasa ke semasa. Objektif pengubahan tersebut adalah untuk mencapai pembangunan sistem kewangan yang terbaik untuk negara. Untuk itu, pendekatan yang komprehensif telah diambil bagi menangani kesemua elemen dan asas penting dalam setiap komponen sistem kewangan. Ini bertujuan untuk membentuk asas yang kukuh bagi membina secara progresif sebuah sektor kewangan yang efektif, efisien dan berdaya tahan. Satu komponen penting yang tidak diabaikan dalam sistem ini ialah rangka kerja perlindungan pengguna. Keperluan dan jangkaan pengguna sentiasa berubah dengan pesat, sejajar dengan tahap pendidikan yang lebih tinggi serta kekayaan dan kemewahan yang kian meningkat. Pengguna kini adalah lebih arif dan menuntut pilihan produk yang lebih baik, saluran penghantaran yang lebih efisien dan amalan institusi kewangan yang lebih berpihak kepada pengguna daripada institusi kewangan. Trend ini menjadi penting dalam memperkukuh persekitaran yang kian kompetitif dalam sektor perkhidmatan kewangan.

Antara komponen utama Pelan Induk Sektor Kewangan ialah usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman pengguna tentang produk dan perkhidmatan kewangan, di samping mewujudkan infrastruktur sokongan untuk melindungi pengguna, serta mengukuhkan rangka kerja kawalselia untuk meningkatkan tahap ketelusan. Pelan Induk tersebut menggariskan beberapa inisiatif penting yang bertujuan meningkatkan kuasa pengguna, di samping meningkatkan kefahaman mereka tentang hak dan tanggungjawab kewangan masing-masing. Ia juga bagi membolehkan pengguna membuat keputusan yang bijak, demi kesejahteraan mereka. Usaha meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan pengguna sentiasa diberi keutamaan oleh Bank Negara Malaysia. Sejak tahun 1996, beberapa inisiatif telah diperkenalkan untuk meningkatkan tahap celik kewangan dan memupuk kemahiran pengurusan kewangan yang baik di kalangan pelbagai kumpulan sasar.

Kesukaran pengguna mendapat akses kepada maklumat sering menyebabkan pengguna tidak mendapat maklumat yang mencukupi bagi membolehkan mereka membuat keputusan yang bijak. Pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia dengan kerjasama institusi kewangan, telah melancarkan satu rancangan 10 tahun Program Pendidikan Pengguna yang

melibatkan sektor perbankan dan insurans. Program tersebut bertujuan meningkatkan akses kepada maklumat oleh pengguna serta meningkatkan kesedaran pengguna tentang hak dan tanggungjawab mereka. Ia juga bertujuan untuk memperdalamkan pengetahuan pengguna tentang konsep dan operasi perbankan Islam serta produk dan perkhidmatan takaful yang ditawarkan oleh institusi kewangan. Dalam hal ini, laman-laman web InfoPerbankan dan InfoInsurans telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran pengguna. Sehingga kini, laman web tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan jumlah pelawat mencecah 17.6 juta. Di samping itu, lebih 4.2 juta naskhah buku penerangan kecil telah diedarkan kepada pengguna. Peningkatan maklum balas yang kami terima daripada pengguna mencerminkan tahap kesedaran pengguna.

Di samping tumpuan terhadap tahap celik kewangan dan kesedaran di kalangan pengguna, usaha-usaha yang gigih juga diambil untuk memperkukuh infrastruktur perlindungan pengguna. Ini termasuk inisiatif khusus untuk memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan amalan pasaran oleh penyedia perkhidmatan kewangan, di samping mempertingkatkan keperluan dan standard penzahiran minimum bagi pengeluar kad kredit, serta terhadap fi dan caj produk kewangan. Pada masa yang sama, usaha-usaha yang berterusan untuk meningkatkan tahap profesionalisme turut diperhebatkan.

Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan langkah berkenaan amalan penjualan dalam industri insurans. Ejen insurans hayat diperlukan menggunakan amalan nasihat terbaik dalam penjualan produk insurans hayat. Bagi memudahkan pengguna membuat perbandingan menerusi penzahiran yang lebih meluas, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan penzahiran mandatori untuk komisen, fi dan caj produk insurans yang mempunyai ciri-ciri tabungan dan pelaburan yang dijual melalui institusi perbankan. Bagi memastikan pemegang polisi dilayan dengan saksama, Bank Negara Malaysia telah mempertingkatkan lagi pengawalan ke atas amalan penyelesaian tuntutan dan memperkukuh kawalan ke atas pengurangan bonus oleh penanggung insurans hayat bagi memastikan pulangan yang berpatutan kepada pemegang polisi.

Baru-baru ini, industri insurans berserta Kementerian Pengangkutan telah melaksanakan sistem nota perlindungan elektronik yang akan dapat menghapuskan pemalsuan nota perlindungan insurans motor secara efektif. Ini merupakan perkembangan penting ke arah memelihara kepentingan pemilik kenderaan serta mereka yang menjadi mangsa kemalangan jalan raya. Bank Negara Malaysia juga dijangka melesenkan penasihat kewangan pada tahun 2005. Berikutan enakmen perundangan yang berkaitan, penasihat-penasihat kewangan akan dilesenkan dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan khidmat nasihat profesional mengenai insurans kepada pengguna berhubung dengan keperluan perancangan kewangan mereka. Perkembangan ini menandakan satu peristiwa penting dalam evolusi yang

berterusan terhadap keseluruhan rangka kerja perlindungan pengguna untuk industri tersebut.

Beberapa inisiatif juga telah diambil oleh institusi perbankan untuk mengekalkan integriti sistem dan instrumen pembayaran, yang tertumpu kepada meningkatkan keyakinan pengguna dan memastikan kepentingan pengguna terpelihara. Bagi membanteras penipuan kad, pelaburan yang besar telah dibuat oleh peserta industri untuk menukarkan semua ATM jalur magnetik dan infrastruktur kad kredit kepada persekitaran yang menerima kad berasaskan cip. Saluran pembayaran dan infrastruktur baru yang menggunakan Internet juga telah dibangunkan, untuk meningkatkan keselamatan dan kecekapan dalam sistem kewangan.

Langkah-langkah juga telah diperkenalkan untuk meningkatkan tahap perkhidmatan pengguna di institusi kewangan. Bagi tujuan ini, Bank Negara Malaysia telah menjalankan kajian di seluruh negara untuk menilai sebaik mana para pengguna dilayan oleh penyedia perkhidmatan kewangan. Hasil kajian tersebut telah dikongsi dengan industri dan setiap institusi untuk dijadikan asas bagi institusi kewangan menilai sendiri prestasi mereka dan menggunakan hasil kajian tersebut untuk menanda aras amalan mereka sendiri dengan amalan terbaik global. Tujuannya ialah untuk mencapai kualiti perkhidmatan kewangan yang bertaraf dunia.

Penyediaan saluran pembelaan yang mencukupi juga penting bagi membolehkan pengguna menyelesaikan konflik menerusi proses yang saksama. Pelbagai usaha telah diambil untuk memperkukuh mekanisme pembelaan di peringkat institusi dan di peringkat industri. Seperti yang anda sedia maklum, saluran untuk pengguna mendapat pembelaan terhadap institusi perbankan dan penanggung insurans telah sedia ada, masing-masing melalui Biro Pengantaraan Perbankan dan Biro Pengantaraan Insurans. Biro-Biro yang ditubuhkan lebih daripada satu dekad yang lalu ini telah mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan dalam menyelesaikan pertikaian terhadap bank dan syarikat insurans. Sepanjang tahun 2004, sejumlah 1,515 kes telah dikendalikan oleh kedua-dua Biro tersebut. Namun demikian, berikutan wujudnya kesamaran sempadan tradisi antara produk dan perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh bank, syarikat insurans dan pengantara kewangan yang lain, penubuhan Biro yang bersepadu perlu untuk menyelesaikan isu-isu pengguna yang meluas, yang melibatkan pelbagai institusi kewangan di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia. Sinergi yang jelas juga boleh dicapai daripada penggunaan sumber-sumber yang sedia ada untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam proses penyelesaian pertikaian. Ini memandangkan pengguna akan disediakan dengan pusat sehenti yang cekap dan yang memudahkan untuk mendapatkan pembelaan rasmi sebagai satu alternatif kepada proses litigasi yang mungkin melibatkan masa dan sumber kewangan yang banyak.

Sesungguhnya saya amat berbesar hati untuk melancarkan Biro Pengantaraan Kewangan pada hari ini. Biro Pengantaraan Kewangan adalah sebuah pusat penyelesaian pertikaian yang bersepadu untuk institusi

kewangan di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia. Penubuhan agensi ini adalah seiring dengan trend antarabangsa ke arah penubuhan pusat penyelesaian yang bersepadu. Rangka kerja dan model untuk Biro Pengantaraan Kewangan ditanda aras dengan amalan terbaik seluruh dunia khususnya di negara-negara seperti United Kingdom, Kanada dan Australia.

Buat pertama kalinya, skop Biro Pengantaraan Kewangan telah diperluas untuk merangkumi bank-bank Islam, pengendali takaful, institusi kewangan pembangunan serta pengendali sistem pembayaran dan pengeluar kad kredit dan kad caj bukan bank terpilih. Saya juga berbesar hati untuk mengumumkan bahawa dengan pelancaran Biro Pengantaraan Kewangan, had ke atas kes-kes di bawah bidang kuasa Biro ini telah dinaikkan daripada had yang diguna pakai oleh Biro-Biro pengantaraan terdahulu. Ini akan membolehkan lebih ramai orang untuk mendapatkan akses kepada Biro sebagai saluran untuk mendapatkan pembelaan. Selain daripada liputan yang lebih meluas ini, Biro Pengantaraan Kewangan juga merancang untuk meningkatkan akses ke seluruh negara dengan penubuhan lima buah pejabat wilayah secara progresif.

Biro Pengantaraan Kewangan akan ditadbir oleh Lembaga Pengarah yang terdiri daripada sembilan orang ahli, lima daripadanya pengarah bebas dan selebihnya daripada industri perbankan dan insurans. Tan Sri Dato' Seri Haidar bin Mohamed Noor sebagai Pengerusi pertama Lembaga Pengarah Biro Pengantaraan Kewangan, mempunyai karier yang panjang dan cemerlang dalam perkhidmatan kehakiman. Biro Pengantaraan Kewangan akan dikendalikan oleh pengantara yang bebas dan berpengalaman dalam hal-hal kehakiman. Dengan pengalaman ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan Biro Pengantaraan Kewangan yang mendalam dan meluas, saya yakin bahawa Biro yang baru ini akan dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik bagi memastikan proses penyelesaian yang adil dan saksama untuk para pengguna.

Penubuhan Biro ini merupakan satu peristiwa penting dalam meningkatkan infrastruktur perlindungan pengguna. Pengguna digalakkan menggunakan sepenuhnya saluran-saluran yang ada untuk mendapatkan penyelesaian isu-isu yang dihadapi mereka.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kami kepada Lembaga Pengarah Biro Pengantaraan Perbankan dan Biro Pengantaraan Insurans terdahulu, atas sumbangan dan dedikasi tinggi mereka dari segi masa dan pengalaman dalam operasi Biro. Saya juga ingin memberi pengiktirafan terhadap sumbangan dan sokongan oleh Persatuan Bank-Bank Malaysia, Persatuan Syarikat Kewangan Malaysia, Persatuan Bank Saudagar Malaysia, Persatuan Insurans Hayat Malaysia, Persatuan Insurans Am Malaysia, Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia, Persatuan Takaful Malaysia, Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan Malaysia, MBF Card Services (M) Sdn. Bhd., American Express dan Diners Club (M) Sdn. Bhd. dalam menjadikan Biro ini satu realiti. Mereka telah bersetuju untuk membiayai kos operasi Biro ini

melalui levi ke atas syarikat ahli individu supaya perkhidmatan Biro dapat diberikan secara percuma kepada orang ramai. Sokongan dan komitmen yang padu dan berterusan yang ditunjukkan oleh industri akan menjamin kejayaan Biro Pengantaraan Kewangan.

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, banyak kemajuan telah dicapai dalam membangunkan dan memperkukuh sektor kewangan menerusi inisiatif dasar dalam bidang-bidang rangka kerja pengawalan dan penyeliaan, pengurusan risiko dan urus tadbir korporat. Ia telah dilengkapi dengan inisiatif perlindungan dan pendidikan pengguna yang menggalakkan konsumerisme secara lebih aktif untuk mewujudkan sistem kewangan yang dinamik dan responsif. Pada masa hadapan, Bank Negara Malaysia akan terus memberi tumpuan pada pembangunan infrastruktur yang perlu bagi memastikan pengguna diberi akses yang lebih meluas pada maklumat mengenai produk dan perkhidmatan kewangan, yang membolehkan para pengguna membuat pilihan yang bijak dan melindungi kepentingan mereka.

Antara langkah yang sedang dipertimbangkan untuk dilaksanakan ialah pengeluaran garis panduan bagi memastikan orang ramai mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan pada kos yang berpatutan. Garis panduan telah dikeluarkan kepada institusi perbankan untuk mengawal pengenaan fi dan caj. Berkuat kuasa mulai 1 Februari 2005, institusi perbankan juga dikehendaki menyediakan perkhidmatan perbankan asas kepada rakyat Malaysia pada kos yang minimum. Garis panduan ini menetapkan paras minimum perkhidmatan dan transaksi bulanan yang ditawarkan tanpa caj. Selain itu, memandangkan produk dan perkhidmatan kewangan yang semakin kompleks, institusi kewangan juga perlu menentukan harga yang berpatutan yang bukan sahaja mencerminkan kos tetapi juga mencerminkan secukupnya penjimatan kos hasil daripada pelaburan yang dibuat. Dalam suasana persaingan yang semakin meningkat, usaha-usaha juga diperlukan untuk mencapai peningkatan kecekapan dan keberkesanan kos. Ini bukan sahaja memberi faedah kepada pengguna dan peniaga bahkan kepada ekonomi keseluruhannya.

Satu elemen penting dalam jaringan keselamatan untuk pengguna ialah insurans deposit. Usaha dalam bidang ini adalah di peringkat akhir dan akan beroperasi tidak lama lagi. Sistem insurans deposit akan terus memperkukuh insentif untuk institusi kewangan mengguna pakai amalan kewangan dan perniagaan yang baik, serta meningkatkan keyakinan orang ramai dalam sistem kewangan, dengan menyediakan perlindungan deposit secara jelas. Ini merupakan peningkatan tambahan terhadap rangka kerja perlindungan pengguna bagi meningkatkan keyakinan terhadap sistem kewangan, serta kekukuhannya.

Pembangunan masyarakat pengguna yang berpengetahuan dan mampu menguruskan hal ehwal kewangan peribadi masing-masing dengan baik, memerlukan usaha dan kerjasama erat antara institusi kewangan, pengguna dan persatuan pengguna serta pengawal selia. Bank Negara Malaysia akan mempastikan industri

kewangan memainkan peranan secara aktif dalam usaha ini. Namun demikian, proses ini wajar dipacu oleh institusi-institusi kewangan. Persatuan-persatuan pengguna juga mempunyai peranan penting dalam memberi pendidikan dan penerangan kepada pengguna tentang hak dan tanggungjawab mereka, termasuk saluran untuk pengguna mendapatkan pembelaan. Walaupun inisiatif yang diambil akan meningkatkan perlindungan pengguna dan tahap celik kewangan, pengguna juga perlu bersikap lebih proaktif untuk memahami hak dan tanggungjawab mereka, serta lebih berhemat dalam memilih produk dan perkhidmatan kewangan.

Pembangunan pengguna yang lebih berpengetahuan juga akan memberi cabaran kepada institusi kewangan untuk mempercepat proses inovasi dan mempelbagaikan produk, perkhidmatan dan saluran penghantaran yang ditawarkan. Ini akan merangsang pembangunan sektor kewangan yang kukuh dan progresif, yang selanjutnya akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang mapan.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Biro Pengantaraan Kewangan di Malaysia.

Kalendar Peristiwa
Oktober - Disember 2004

4 Oktober 2004
Bank mengumumkan penerbitan garis panduan Ujian Kesolvenan Dinamik (UKD) untuk terus memperkukuh industri insurans hayat di Malaysia. UKD ialah alat penilaian kesolvenan yang teguh, yang membolehkan syarikat insurans hayat mengenal pasti dan mengurus risiko mereka bagi meningkatkan keupayaan syarikat insurans ini dalam memenuhi kewajipan dan liabiliti semasa dan jangka panjang terhadap para pemegang polisi. Secara tidak langsung, ini akan meningkatkan keupayaan syarikat insurans untuk membawa pembaharuan dan memperkenalkan produk baru yang bermanfaat kepada pengguna.

8 Oktober 2004
Gabenor melancarkan Ekspo Perbankan Islam dan Takaful 2004 dengan tema "Mengekalkan Pertumbuhan Perbankan dan Pembiayaan Islam Menerusi Penyebaran Maklumat yang Secara Berkesan". Selain mempamerkan produk dan perkhidmatan kewangan yang berlandaskan Syariah, ekspo ini juga menjadi pusat sehenti untuk mendidik orang ramai mengenai perkhidmatan kewangan Islam di negara ini. Dalam ucapan beliau, Gabenor menekankan kepentingan meningkatkan keberkesanan dan kecekapan institusi kewangan Islam dalam menghadapi keperluan ekonomi yang berubah-ubah, untuk terus memperkukuh sistem kewangan Islam dan mengekalkan pertumbuhannya.

11 Oktober 2004
Bank bersama-sama Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menganjurkan persidangan peringkat tinggi selama dua hari mengenai peranan IMF dalam menyokong pembangunan sektor kewangan di Asia. Para peserta terdiri daripada pegawai-pegawai kanan bank-bank pusat, kementerian-kementerian kewangan dan agensi pengawalseliaan sektor kewangan dari segenap pelusuk rantau. Persidangan tersebut diadakan bagi membincangkan peranan IMF dalam membantu usaha yang berterusan untuk mengenal pasti isu sektor kewangan yang mempunyai kepentingan serantau, selain menganalisis implikasi sistem kewangan yang semakin saling bergantung.

14 Oktober 2004
Bank mengumumkan kelulusan untuk dua buah lagi institusi kewangan Islam asing, iaitu Al-Rajhi Banking & Investment Corporation dari Arab Saudi, dan konsortium institusi kewangan Islam yang dianggotai Qatar Islamic Bank, RUSD Investment Bank Inc. dan Global Investment House, bagi menubuhkan bank Islam sepenuhnya di Malaysia. Ini adalah susulan daripada pengumuman Bank pada bulan September 2003 bahawa tiga lesen perbankan Islam baru akan dikeluarkan kepada peserta perbankan Islam asing yang layak sebagai sebahagian daripada langkah mempercepat

proses liberalisasi industri perbankan Islam. Lesen perbankan Islam asing pertama telah dikeluarkan kepada Kuwait Finance House pada bulan Mei 2004.

19 Oktober 2004

Menteri Pelajaran, Y.B. Dato' Hishammuddin Tun Hussein bersama-sama Gabenor telah melancarkan Duitsaku.com, sebuah laman web pendidikan kewangan yang disasarkan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah. Dalam ucapan alu-aluan beliau, Gabenor menyarankan supaya setiap individu memahirkan diri dalam ilmu pendidikan kewangan, terutamanya dalam suasana ekonomi dan kewangan yang semakin mencabar. Menteri Pelajaran pula menyatakan bahawa pelancaran laman web tersebut adalah sejajar dengan aspirasi Kerajaan untuk menggalakkan pembelajaran melalui teknologi maklumat.

26 Oktober 2004

Bank telah menerbitkan wang polimer RM5. Ini menjadikan Malaysia negara ke-18 yang menerima pakai teknologi wang polimer dan mengeluarkannya untuk edaran.

28 Oktober 2004

Satu platform pembayaran berasaskan Internet pelbagai bank yang dikenali sebagai Bursa Pemerosesan Kewangan telah dilancarkan oleh Gabenor. Ini merupakan satu pencapaian penting dalam pembangunan sistem pembayaran Malaysia. Bursa tersebut menggunakan perkhidmatan perbankan Internet institusi perbankan untuk menyediakan jaminan pembayaran secara talian terus dan membolehkan rujukan pembayaran mengiringi pembayaran bagi memudahkan penyesuaian transaksi. Bursa tersebut juga menyediakan mekanisme penyelesaian yang cekap dan berkos efektif.

29 Oktober 2004

Bank telah mengadakan sesi dialog biasa dengan industri insurans dan takaful untuk berbincang mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan, prestasi industri insurans dan takaful, langkah-langkah dasar yang baru, serta perkembangan dan isu semasa berkenaan sektor insurans dan takaful.

2 November 2004

Bank mengumumkan pelantikan sepuluh orang anggota Majlis Penasihat Syariah untuk Perbankan Islam dan Takaful bagi tempoh dua tahun. Majlis tersebut merupakan badan berkuasa yang menentukan kesahihan transaksi perbankan dan kewangan Islam serta takaful yang dilaksanakan oleh institusi kewangan Islam di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia.

25 November 2004

Bank mengumumkan penerbitan kelima Bon Simpanan Merdeka bernilai RM557 juta yang diterbitkan pada 3 Januari 2005. Bon tersebut merupakan instrumen tabungan tambahan kepada

warga emas, anggota Angkatan Tentera Malaysia yang telah bersara serta rakyat Malaysia yang bersara atas sebab-sebab kesihatan.

30 November 2004

Bank mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia telah meningkat pada kadar yang memuaskan sebanyak 6.8 peratus pada suku ketiga 2004, yang didorong terutamanya oleh pertumbuhan sektor swasta. Bank juga memaklumkan tentang semakan pada kadar pertumbuhan suku kedua 2004 daripada 8.0 peratus seperti yang diumumkan sebelum ini kepada 8.2 peratus.

2 Disember 2004

Mesyuarat Kedua Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri telah diadakan di Putrajaya. Majlis tersebut merupakan badan penggubal dasar peringkat tertinggi bagi menentukan hala tuju masa hadapan dan strategi pembangunan PKS.